

JAWAPAN-JAWAPAN
PERTANYAAN JAWAB LISAN
HARIAN YANG TIDAK DAPAT
DIJAWAB DALAM DEWAN
RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE 12

TARIKH

30 APRIL 2008 - 08 MEI 2008





PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KEDUABELAS 2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN
RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

RABU: 30 APRIL 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 4 HINGGA 73)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 3
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : LISAN
Daripada : YB. Ir. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG)
Tarikh : 30 APRIL 2008 (RABU)

SOALAN

YB. Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah perkembangan terkini tentang kemunculan penulisan laman-laman blog internet dan apakah tindakan Kementerian untuk memantau laman-laman tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bagi Suku Keempat 2007 menunjukkan, lebih daripada 14 juta penduduk negara ini menggunakan internet. Ini bermakna lebih daripada 50 peratus penduduk. Kajian lain turut menunjukkan kira-kira 500,000 blog yang aktif di Malaysia meliputi semua topik.

Kira-kira 600 darinya adalah blog sosial politik. Kerajaan melihat perkembangan blog sebagai medium penyampaian maklumat, pandangan dan rasa hati rakyat sebagai satu perkara positif sejajar dengan komunikasi teknologi. Pihak kerajaan sentiasa memantau namun tidak bercadang menyunting dan mengawalinya. Walau bagaimanapun, penulis blog yang melanggar undang-undang boleh diambil tindakan sama ada oleh kerajaan atau mana-mana pihak yang berasa dirinya dianiaya mengikut undang-undang yang sedia ada.

NO SOALAN: 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menggariskan sepuluh langkah pembaharuan keutamaan yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan dalam tempoh 12 bulan ini untuk menunjukkan bahawa beliau sedar mengenai hajat rakyat dalam "tsunami politik" 8 Mac 2008".

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan daripada **Y.B. Muar** pada **14 Mei 2008**.

Seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, pihak Kerajaan menghormati keputusan rakyat sebagaimana yang telah dizahirkan dalam Pilihanraya Umum ke-12 baru-baru ini, dan kita menerima keputusan tersebut dengan hati yang terbuka. Pada masa yang sama, kita juga akan memastikan agar mandat yang telah diberi oleh rakyat, untuk terus mentadbir negara ke arah kejayaan dan kegemilangan tidak akan disia-siakan.

Kerajaan yang saya pimpin adalah kerajaan yang berpengalaman; kerajaan yang terbukti. Namun saya percaya bahawa Kerajaan yang saya pimpin ini tidaklah bersifat jumud. Saya yakin bahawa Kerajaan pimpinan saya akan terus bersedia untuk menjiwai hasrat rakyat, serta menangani isu-isu yang menjadi bebanan serta menimbulkan kegusaran rakyat.

Atas dasar itulah, maka saya telah mengumumkan sebuah agenda pembaharuan bagi memenuhi hasrat rakyat. Butiran agenda tersebut adalah seperti berikut:

- Pertama: menangani impak kenaikan harga barang, terutamanya makanan, akibat arus pasaran global;
- Kedua: mengkaji semula pelaksanaan pelan-pelan ekonomi negara bagi memastikan agar faedah pembangunan negara akan dinikmati oleh setiap rakyat;
- Ketiga: mengurangkan jurang pendapatan di kalangan dan di antara golongan etnik, di samping memastikan kesaksamaan untuk semua rakyat Malaysia;
- Keempat : mengurangkan kadar jenayah;
- Kelima: meneruskan usaha ke arah memerangi rasuah dan meningkatkan budaya integriti;
- Keenam: menyokong pembaharuan serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap institusi kehakiman dan
- Ketujuh: Menangani isu sensitif berhubung agama termasuk pembinaan dan pemindahan rumah ibadat.

Setakat ini, saya telahpun membuat beberapa pengumuman berkaitan dengan agenda yang telah saya gariskan, dan ianya telah diterima baik oleh rakyat. Pembaharuan-pembaharuan ini adalah tambahan kepada agenda pembangunan nasional seperti yang digariskan dalam Misi Nasional dan Wawasan 2020. Saya yakin bahawa agenda besar Kerajaan ini akan dapat menambah baik kualiti kehidupan rakyat, dan saya percaya rakyat akan terus memberikan sokongan kepada Kerajaan dalam usaha untuk melaksanakan pelbagai langkah bagi membawa Malaysia ke arah era yang lebih gemilang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 30 APRIL 2008

RUJUKAN : 955

Soalan:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) Bagaimanakah bentuk statistik jenayah di kalangan Juvana di sepanjang 10 tahun lalu; dan
- (b) Apakah peranan dan langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian di dalam menangani peningkatan kadar jenayah di kalangan Juvana.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.B. dari Bintulu, Dato' Seri Tiong King Sing di atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Y.B Dato' Seri, mengenai soalan (a), jumlah keseluruhan kes yang melibatkan juvana yang telah dilaporkan sepanjang 10 tahun yang lalu (1999 – Mac 2008) adalah sebanyak 56,085 kes. Statistik tahunan menunjukkan trend menurun pada tahun 1999 (6,538 kes) sehingga tahun 2002 (2,955 kes) dan trend yang meningkat bagi tahun 2003 (3,647 kes) hingga 2007 (7,994 kes).

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, untuk makluman Y.B. Dato' Seri, Kementerian Dalam Negeri telah dan sedang mengambil tindakan-tindakan seperti meningkatkan *police presence* dengan penambahan keanggotaan dan memperbanyakkan rondaan; meletakkan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan tertentu; memperluaskan kerjasama dengan agensi lain serta badan-badan berkanun seperti NGO dan *Malaysian Crime Prevention Foundation* (MCPF) dalam

mengadakan kempen-kempen pencegahan, operasi bersepadu dan modul-modul pemulihan yang efektif serta menggiatkan program-program kesedaran dan pencegahan bersama masyarakat melalui program Rakan Cop dan Rukun Tetangga, melalui ceramah-ceramah, kempen-kempen menerusi media massa serta program-program kadet sekolah dan Sukarelawan Siswa Siswi (SUKSIS) di institusi-institusi pengajian tinggi awam.

SOALAN NO : 7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MOHD HATTA MD RAMLI
(KUALA KRAI)
TARIKH : 30 APRIL 2008
SOALAN :

Dr. Mohd Hatta Md Ramli (Kuala Krai) minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Pakar Kesihatan Awam diiktiraf setaraf dengan pakar klinikal dari segi pembayaran elaun pakar.

Tuan Yang di-Pertua,

Pegawai Kesihatan Awam sememangnya diiktiraf dan diwartakan sebagai pakar oleh Kerajaan. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2003 telah menetapkan Bayaran Insentif bagi Pegawai Kesihatan Awam adalah pada kadar 80 peratus daripada elaun Pakar Klinikal.

SOALAN NO. 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ALEXANDER NANTA
LINGGI (KAPIT)**

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN:

Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:-

apakah perubahan dasar pelancongan negara yang perlu diambil bagi menjayakan lagi industri pelancongan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelancongan sentiasa merangka dan menilai semula dasar-dasar pelancongan negara mengikut perkembangan serta perubahan sektor pelancongan bukan sahaja dari sudut domestik malah secara global, demi memastikan daya tarikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik.

Dalam mencapai objektif tersebut, Kementerian Pelancongan sedang dalam proses menilai semula Dasar Pelancongan Negara dalam usaha memperkukuhkannya lagi dengan memberi tumpuan kepada sektor pelancongan seperti pelancongan eko, pelancongan kesihatan, program Homestay, mempromosikan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah yang terunggul, memfokuskan pelan promosi berasaskan destinasi, serta menggalakkan penggunaan bahan tempatan terutama di dalam penyediaan *collateral* yang melambangkan imej Malaysia.

Diharapkan dengan penekanan yang diberikan terhadap sektor-sektor berikut di dalam penilaian semula dasar pelancongan negara serta program dan aktiviti yang dirancang oleh Kementerian Pelancongan, industri-industri yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam bidang pelancongan serta golongan rakyat turut mendapat faedah dari segi pembangunan ekonomi.

No. Soalan : ~~42~~ 9

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ISMAIL BIN KASIM

TARIKH : 30 APRIL 2008

Datuk Ismail bin Kasim (Arau) minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha-usaha pihak kementerian untuk menaikkan imej dan persembahan produk IKS-IKS kita memandangkan kebanyakan usaha IKS kita belum mampu untuk menyediakan pembungkusan dan pelabelan yang sesuai dengan kehendak perundangan dan pasaran tempatan serta global.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha meningkatkan kualiti produk yang telah dikeluarkan usahawan-usahawan Bumiputera khususnya, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) telah memperkenalkan Program Peningkatan Kualiti Produk atau lebih dikenali dengan nama Program Groom Big pada tahun 2005. Program ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan usahawan kecil dan sederhana Bumiputera khususnya dalam industri makanan dan minuman supaya dapat berdaya maju dan berdaya saing di pasaran terbuka samada di dalam mahupun peringkat antarabangsa. Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama SIRIM Berhad iaitu agensi yang membantu dari aspek perundingan dan teknikal.

Melalui program ini, usahawan yang terlibat dibangunkan secara berperingkat iaitu Asas Peringkat Kualiti & Pengeluaran bagi peringkat awalnya diikuti bantuan dalam Program Fast Track Halal untuk mendapatkan sijil halal daripada JAKIM ataupun Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Kemudian, usahawan dibantu meningkatkan kualiti pembungkusan produk sedia ada supaya ianya lebih menarik, *presentable*

dan berkualiti. Dalam hal ini, usahawan berkenaan dibantu dari segi rekaan grafik dan percetakan pelabelan produk, jenis atau *material* pembungkusan produk yang lebih berkualiti dan tahan lama serta penjenamaan produk yang lebih komersil disamping mengambilkira keperluan serta standard yang ditetapkan oleh perundangan. Seterusnya, produk usahawan dibangunkan dengan Peningkatan dan Optimasi Proses serta Amalan Peningkatan Kualiti. Bagi membolehkan produk usahawan ini menembusi pasaran global, mereka dibantu untuk membolehkan produk mereka mendapat persijilan seperti HACCP, GMP, MS ISO 9001 akan dipohon. Setelah usahawan sudah memenuhi standard semua peringkat, Kementerian dan SIRIM akan membuat Penilaian dan Pemantauan Projek, Promosi dan Hebahan Groom Big, Pemasaran dan Promosi Produk serta Bengkel Umum.

Bagi tujuan pelaksanaan program ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 5 juta kepada MECD di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9). Sejak program dilancarkan, sehingga kini seramai 61 usahawan telah mengikuti Program Pembungkusan dan dari jumlah tersebut, seramai 24 usahawan telah siap mencetak dan menggunakan pembungkusan berkualiti untuk produk mereka. Kos bagi Program Pembungkusan dan Pelabelan ini adalah dianggarkan berjumlah

RM36,000 bagi setiap produk merangkumi kos perkhidmatan konsultan rekagrafik dan percetakan bungkusan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh SIRIM Berhad. Kementerian mensasarkan 60 usahawan kecil dan sederhana Bumiputera untuk diberi peluang dalam tahun 2008 bagi mengikuti Program Pembungkusan.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Y.B. Tuan Chua Tee Yong (Labis)
TARIKH : 30 April 2008 (Rabu)
SOALAN :

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan Apakah insentif-insentif yang diberikan kepada sektor pertanian negara ini bagi mengurangkan pengimportan makanan. Sejauh manakah insentif-insentif tersebut berkesan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian sedar bahawa import bahan makanan telah meningkat daripada RM 17.8 billion pada 2005 kepada RM 23.4 billion pada 2007 dan dijangka akan terus meningkat. Bagi menangani fenomena ini, usaha-usaha sedang dipergiatkan untuk menambah pengeluaran bahan makanan dan mengurangkan pergantungan bekalan yang diimport bagi

menjamin keselamatan bekalan makanan negara (food security). Bagi menggalakkan pelaburan dalam pengeluaran bahan makanan, Kerajaan menyediakan pelbagai insentif dalam bentuk:

- **Insentif Bukan Fiskal**
- **Insentif Fiskal**

2. Bagi insentif bukan fiskal, Kementerian ini melalui Jabatan dan Agensinya menyediakan insentif-insentif seperti:

- khidmat nasihat / rundingan teknikal,
- bantuan peralatan,
- khidmat pemindahan teknologi,
- khidmat pemasaran,
- sistem kualiti dan keselamatan makanan,
- pembiayaan, serta
- latihan / kursus

yang berkaitan dalam aspek-aspek penyediaan tapak projek, pengeluaran, persijilan, penjenamaan, pembangunan produk, perniagaan, keusahawanan, inkubator, pemasaran dan pemprosesan makanan bagi meningkatkan dan membangunkan petani tradisional kepada petani komersil.

Tuan Yang DiPertua,

3. Bagi insentif fiskal pula, pengecualian cukai sebanyak 100% selama 5 hingga 10 tahun, bergantung kepada jenis projek sama ada projek baru atau penambahan, diberikan kepada projek-projek pengeluaran makanan meliputi:

- sub-sektor tanaman - buah-buahan, sayur-sayuran, herba, rempah dan kenaf;
- sub-sektor ternakan - lembu, kambing dan biri-biri
- sub-sektor perikanan - akuakultur dan perikanan laut dalam; dan
- termasuk projek bersepadu (integrasi) bagi aktiviti pengeluaran dan pemprosesan bahan makanan.

4. Pengecualian cukai juga disediakan bagi pelaburan semula bagi menukarkan sistem ternakan ayam/itik secara terbuka kepada sistem ternakan tertutup selama 15 tahun.

Tuan Yang DiPertua,

5. Hasil daripada usaha dan pemberian insentif ini, telah terdapat peningkatan dalam pengeluaran, pelaburan dan eksport bahan makanan negara. Terdapat peningkatan dalam pengeluaran bagi beberapa komoditi utama bahan makanan

seperti nenas, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, perikanan, ayam, lembu dan telur ayam.

6. Dari segi pelaburan, terdapat peningkatan yang ketara dari segi bilangan syarikat dan jumlah pelaburan, di mana pada 2001 23 buah syarikat telah diluluskan insentif pengecualian cukai bernilai RM 139.7 juta. Sehingga Mac 2008, secara kumulatifnya sejumlah 267 buah syarikat telah diluluskan insentif pengecualian cukai dengan nilai pelaburan sebanyak RM 3,000 juta.

7. Bagi negeri Johor, pelaburan terbesar dalam sektor ini adalah Projek Pertanian Moden di Kluang. Sebanyak 29 syarikat telah melabur sebanyak RM 100 juta dalam bidang tanaman, ternakan dan ikan hiasan. Projek ini meliputi kawasan seluas 3600 hektar yang mula dilaksanakan pada tahun 2005. Antara syarikat yang telah berjaya adalah syarikat Zen Xin Sdn. Bhd (sayuran organik), Lazuli Sdn. Bhd (lembu feedlot), Xian Leng Sdn. Bhd (ikan hiasan). Setakat ini purata hasil dari projek-projek ini telah mencecah RM 5.0 juta sebulan.

Tuan Yang DiPertua,

8. Dari segi eksport pula, terdapat peningkatan dari jumlah eksport bahan makanan daripada RM 10.6 billion pada 2005 kepada RM 13.6 billion pada 2007.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN
TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)
NO. PERTANYAAN : NO. 11

Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) bakal dipinda pada tahun ini dan rasional pindaan Akta tersebut khususnya terhadap perkembangan aktiviti politik kampus dan percambahan ideologi mahasiswa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) adalah suatu Akta yang menjadi sumber kuasa kepada penubuhan, sistem governan dan tadbir urus sesebuah universiti awam negara ini termasuklah aspek tatalaku pelajar dan bukan semata-mata untuk mengongkong pelajar seperti yang disangkakan oleh sesetengah pihak.

Satu Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 telah ditubuhkan untuk mengkaji dan menyemak peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam AUKU

secara menyeluruh dan mengemukakan cadangan pindaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi.

Pindaan-pindaan yang dibuat adalah untuk menambah baik peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Penelitian terhadap pindaan ke atas akta ini adalah bagi melahirkan mahasiswa yang lebih bersifat kreatif, kritis dan inovatif serta mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk suasana pembelajaran.

Dalam meminda akta ini, Jawatankuasa menyemak dan mengkaji AUKU telah banyak kali mengadakan perjumpaan dan konsultasi dengan pelbagai pihak seperti ahli Parlimen, pihak pengurusan universiti, persatuan kakitangan akademik, badan bukan kerajaan dan persatuan mahasiswa telah memberi pandangan dan cadangan berkenaan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan.

Kementerian amat berhati-hati dengan cadangan pindaan terutama yang menyentuh pembabitian pelajar dalam politik kampus dan percambahan ideologi mahasiswa. Ia perlu mengambil kira semua pandangan "*stakeholders*" termasuk pelajar dan ibu bapa serta membuat pertimbangan sewajarnya supaya sebarang pindaan kepada AUKU ini tidak akan memberikan kesan yang tidak baik kepada keselamatan dan kesejahteraan negara.

Walau bagaimanapun, sebelum draf ini dibentangkan di Parlimen, Kementerian akan memperhalusi lagi cadangan-cadangan pindaan untuk mendapatkan lebih banyak maklum balas serta input daripada pihak-pihak berkepentingan ke atas draf akhir cadangan pindaan AUKU. Kementerian percaya proses rundingan

dengan pelbagai “*stakeholders*” akan dapat menghasilkan satu cadangan pindaan yang komprehensif dan mantap serta mengambil kira kepentingan semua pihak. Setelah proses konsultasi ini selesai dan Kementerian berpuas hati, pindaan terhadap AUKU akan dibentangkan di Parlimen pada tahun ini.

SOALAN NO. : 12

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMMED [PULAI]

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN : 12

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah strategi kerajaan untuk melindungi sumber asli seperti sungai dan tanah paya bakau di dalam kawasan WPI.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Di antara strategi kerajaan untuk melindungi sumber asli seperti sungai dan tanah paya bakau di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar adalah seperti berikut:

- (i) Menghendaki semua projek pembangunan yang berkaitan menyediakan Kajian Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).

- (ii) Bagi projek-projek yang tidak tertakluk dibawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 tetapi berpotensi menyebabkan masalah alam sekitar; projek-projek ini boleh diminta menyediakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) yang menggariskan langkah-langkah kawalan yang perlu dijalankan untuk memastikan pembangunan tidak menjejaskan alam sekitar.

- (iii) Mengkategorikan kawasan paya bakau sebagai “Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)” selaras dengan Rancangan Fizikal Negara. Segala aktiviti yang dilaksanakan hendaklah mematuhi “Garis Panduan Pemuliharaan Dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Serta Kawasan Sekitarnya”. Di antara syarat-syarat yang dikenakan termasuklah mewujudkan zon larangan pembangunan dalam kawasan hutan paya bakau dan

menentukan kawasan rizab sungai di sepanjang sungai dalam kawasan hutan bakau. Pelan pembangunan bagi Wilayah Pembangunan Iskandar bertajuk '*Comprehensive Development Plan for South Johor Economic Region*' telah merujuk kepada Rancangan Fizikal Negara. Oleh demikian, pelan pembangunan ini telah pun mengambilkira kawasan-kawasan sensitif alam sekitar di dalam kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar seperti kawasan paya bakau serta Tapak Ramsar;

- (iv) Mengambil tindakan untuk menanam semula kawasan-kawasan persisiran pantai dengan spesies pokok bakau dan spesies lain yang sesuai. Sehingga kini 122 hektar telah ditanam.
- (v) Melaksanakan projek pemulihan sungai di sepanjang Sg. Skudai, Sg. Tebrau dan Sg. Segget; dan
- (vi) Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 seperti pelepasan effluen dari industri dan loji-loji kumbahan. Kementerian juga berkerjasama secara bersepadu dengan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk mempertingkatkan penguatkuasaan dan tindakan terhadap punca-punca pencemaran dibawah bidang kuasa masing-masing supaya tidak menjejaskan kualiti air sungai-sungai.

NO. SOALAN : 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN :

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program-program yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk memelihara kesucian agama Islam.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui JAKIM akan terus mengadakan beberapa pendekatan untuk memelihara kesucian agama Islam melalui seminar, kursus, taklimat, bengkel, muzakarah dan seumpamanya bagi memastikan akidah, syariah dan akhlak masyarakat Islam di Malaysia terpelihara. Diantara program-program berkenaan iaitu seperti Kursus Penerapan Nilai-Nilai Islam, Kursus Pemantapan Akidah, Bengkel Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam dan Kursus Keluarga Bahagia. JAKIM juga menjalankan penyelidikan bagi membanteras ajaran-ajaran salah dan merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan apabila diperlukan. Selain itu penapisan bahan-bahan penerbitan berunsur Islam juga dilaksanakan.

SOALAN NO. 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB (MARAN)**

TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)

SOALAN :

YB Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib (Maran) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah benar dakwaan mengatakan bahawa kedudukan wanita kini semakin dipinggirkan dan jika benar atau sebaliknya apakah langkah-langkah tersusun yang dibuat oleh Kerajaan dalam menjaga kumpulan ini termasuk tahap hidup ibu-ibu tunggal yang semakin meningkat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Dakwaan yang mengatakan bahawa kedudukan wanita kini semakin dipinggirkan adalah tidak benar. Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif dan melaksanakan pelbagai program dengan kerjasama

agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam usaha mempertingkatkan kedudukan dan status wanita di Malaysia sejak negara kita merdeka lagi.

Mengikut Laporan *Malaysia's Gender Gap Index (MGGI)*, Malaysia telah berjaya merapatkan jurang gender daripada nilai indeks 0.340 pada tahun 1980 kepada 0.243 pada tahun 2004. Ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan status dan kedudukan wanita secara berterusan dalam arus perdana pembangunan negara. Indeks ini mengukur empat dimensi utama iaitu kesihatan, pendidikan, aktiviti ekonomi dan pengupayaan wanita. Malaysia telah mencapai tahap yang setaraf dengan negara-negara maju dari segi kesihatan dan pendidikan. Umpamanya, kadar mortaliti ibu bersalin (*maternal mortality rate*) telah menurun daripada 2.8 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 1957 kepada 0.3 pada tahun 2007. Jangkah hayat ketika lahir wanita meningkat daripada 58.2 tahun pada tahun 1957 kepada 76.3 pada tahun 2007. Dalam bidang pendidikan, perangkaan menunjukkan bahawa pada tahun 2007, pelajar wanita mendominasi lebih daripada 61 peratus enrolmen di institusi pengajian awam. Selain itu, terdapat peningkatan dari segi peratusan wanita Malaysia yang berdaftar

sebagai ahli profesional dalam bidang seperti perakaunan, undang-undang, seni bina dan sebagainya.

Dari sudut ekonomi pula, bilangan wanita yang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah di syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) semakin meningkat daripada 11 peratus pada tahun 2005 kepada 14 peratus pada tahun 2007.

Wanita juga telah mencapai tahap yang lebih baik dari segi perwakilan di peringkat pembuat keputusan. Contohnya perlantikan wanita sebagai Gabenor Bank Negara, tiga orang naib canselor universiti awam, setiausaha kerajaan negeri dan banyak lagi. Sejak Kerajaan memperkenalkan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan pada tahun 2004, peratusan penjawat awam yang dilantik ke jawatan utama sektor awam (JUSA) telah meningkat daripada 18.8 % kepada 25.8% pada tahun 2007. Ini menggambarkan bahawa Kerajaan telah berusaha untuk menentukan wanita tidak dipinggirkan dalam arus perdana di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mencapai kesaksamaan gender dengan mewujudkan akses dan peluang sama rata kepada lelaki dan wanita untuk melibatkan diri dalam pelbagai sektor dan aspek kehidupan.

Langkah-langkah tersusun yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam meningkatkan status dan kedudukan wanita termasuk ibu-ibu tunggal melalui tiga kaedah seperti berikut:

- i. Penggubalan dasar dan undang-undang;
- ii. Melaksanakan program-program dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan; dan
- iii. Kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta.

Antara undang-undang dan dasar yang telah digubal dan dikaji semula termasuklah:

- i. Pindaan terhadap Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan agar tidak wujud diskriminasi berasaskan gender;
- ii. Menjalankan semakan semula semua undang-undang yang terdapat unsur-unsur diskriminasi terhadap wanita; dan

- iii. Bekerjasama dengan Kementerian yang berkaitan dalam menggubal dan melaksanakan undang-undang dan dasar-dasar seperti Akta Imigresen 1959/1963, Akta Pencen 1980, dan Kanun Keseksaan bagi menjamin kesaksamaan gender.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi golongan ibu tunggal yang perlu dibantu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi bantuan kepada anak-anak mereka sebanyak RM100 seorang sebulan bagi satu keluarga sehingga ibu tunggal berkenaan dapat berdikari. Selain itu, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menjalankan program-program peningkatan kapasiti dan latihan kemahiran ekonomi untuk ibu tunggal seperti pengasuhan kanak-kanak, industri pemakanan dan lain-lain. Bagi membolehkan ibu tunggal menjana pendapatan sendiri, JKM turut menyediakan Geran Pelancaran sebanyak RM2,700 supaya mereka dapat memulakan perusahan secara kecil-kecilan. KPWKM akan terus meningkatkan usaha untuk mengembangkan konsep perusahan kecil-kecilan (*micro-entrepreneur*) kepada golongan ibu tunggal.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat menghargai sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam membantu Kementerian melaksanakan program-program bagi membantu ibu tunggal yang memerlukan. Kerjasama pintar di antara Kementerian dan NGO yang berkaitan setakat ini telah banyak memberi perubahan kepada ibu-ibu tunggal yang memerlukan bantuan sehingga mereka dapat berdikari. Antara tahun 2001 sehingga 2007, seramai 39,729 ibu tunggal telah mendapat manfaat daripada program-program yang telah dijalankan oleh 97 NGO yang berkaitan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM4.7 juta. Oleh yang demikian, Kementerian akan sentiasa meneruskan kerjasama pintar dengan NGO yang berminat dan berkebolehan bagi membantu golongan ibu tunggal yang memerlukan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' ABU BAKAR BIN TAIB

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN:

Y.B. Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta PERDANA MENTERI menyatakan : -

- (a) adakah pembangunan Northern Corridor Economic Region (NCER) akan diteruskan. Jika ya, adakah ia dapat bekerjasama dan mendapat sambutan daripada Kerajaan-kerajaan negeri pembangkang yang sekarang ini menguasai tiga dari empat negeri; dan
- (b) tidakkah Kerajaan Pusat sedar bahawa ia menampakkan satu penolakan terhadap perancangan Kerajaan Pusat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seperti mana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, Kerajaan melancarkan inisiatif Koridor-Koridor Pembangunan sebagai salah satu pendekatan baru yang lebih bersepadu dan terselaras di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) untuk menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah dan negeri

yang wujud di . negara ini. Kerajaan amat mengutamakan pertumbuhan yang lebih seimbang dalam memastikan faedah dari pertumbuhan dapat dinikmati bersama oleh semua rakyat Malaysia secara adil dan saksama. Inilah merupakan hasrat dan objektif utama inisiatif Koridor Pembangunan ini dilaksanakan di bawah RMKe-9 iaitu bagi memastikan wilayah dan negeri-negeri yang kurang maju dapat mengalami pertumbuhan dan pembangunan yang lebih pesat.

Seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini, Kerajaan sememangnya komited dan akan memastikan setiap Koridor Pembangunan ini dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan dalam Pelan Induk pembangunan koridor masing-masing. Oleh itu, pembangunan setiap koridor ini, termasuklah pembangunan NCER, akan diteruskan.

Dalam hal ini, walaupun tiga daripada empat negeri yang terlibat dalam pembangunan NCER sekarang telah dikuasai oleh parti lain, Kerajaan tidak menjangkakan ianya akan menjadi satu halangan besar kepada pelaksanaan inisiatif pembangunan NCER ini. Ini kerana projek pembangunan Koridor Pertumbuhan ini adalah untuk meningkatkan pembangunan di negeri-negeri berkaitan serta meningkatkan taraf hidup rakyat di kawasan berkenaan. Oleh itu, Kerajaan percaya bahawa Kerajaan Negeri yang berkenaan akan memberi kerjasama yang sewajarnya bagi memajukan pembangunan di NCER ini. Namun, bagi menyelaraskan pelaksanaan setiap projek yang dicadangkan di bawah NCER ini dan sebagai langkah mengelakkan timbulnya masalah pelaksanaan di kemudian hari, Kerajaan terlebih dahulu akan menyusul semula perancangan semua

program-program dan projek-projek yang dirancang dalam NCER, dan juga di ECER yang melibatkan Kerajaan Negeri Kelantan, dengan pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terlibat, sebelum projek-projek di negeri-negeri tersebut dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Kerajaan Pusat sedar bahawa keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan pembangunan koridor-koridor ini misalnya seperti ECER dan NCER ini adalah bergantung kepada sejauh mana penglibatan Kerajaan Negeri yang berkaitan serta penglibatan pihak swasta dan rakyat tempatan dalam memastikan perancangan pembangunan koridor ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Walaupun keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 baru-baru ini menunjukkan perubahan lanskap politik yang sedikit berbeza, tetapi Kerajaan tidak melihat perkara ini sebagai satu penolakan terhadap perancangan Kerajaan Pusat, malah Kerajaan melihatnya sebagai antara cabaran yang perlu ditangani dengan sewajarnya dalam usaha Kerajaan membawa kemajuan untuk pembangunan negeri-negeri ini amnya serta meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di kawasan ini khususnya.

Namun, apa yang lebih penting ialah setiap pihak berkepentingan perlulah memberi sokongan sepenuhnya terhadap pelaksanaan semua program dan projek yang terdapat dalam pelan pembangunan tersebut kerana kejayaan NCER ini bukan hanya bergantung kepada inisiatif dan usaha Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri atau penglibatan pihak swasta yang berkenaan malah rakyat tempatan

sendiri perlu memberi sokongan padu supaya pembangunan yang dihasratkan ini berjaya mencapai matlamatnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **YB. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN (KENINGAU)**

Tarikh : **30 APRIL 2008 (RABU)**

SOALAN:

YB. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan membina Stesen Radio di kawasan pedalaman seperti yang ada di Sandakan dan juga Tawau kerana pedalaman merangkumi daerah Keningau, Tambunan, Tenom, Nabawan, Pensiangan dan Sook yang terdiri daripada etnik Kadazan, Dusun dan Murut agar hebahan atau sebaran maklumat terus sampai ke kawasan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian sedang menjalankan kajian untuk menambah satu lagi stesen radio bagi meliputi kawasan Keningau, Tambunan, Tenom, Nabawan, Pensiangan dan Sook seperti yang dinyatakan oleh Y.B Keningau.

Maklumat Tambahan

- Kementerian Penerangan ketika ini mempunyai stesen pemancar radio yang terletak di Gunung Layang-layang untuk kawasan utara Keningau, Tambunan dan Sook
- Stesen radio di Sandakan dan Tawau memberikan perkhidmatan siaran radio tempatan iaitu Sandakan FM dan Tawau FM.
- Siaran Sandakan FM dipancarkan menggunakan stesen pemancar di Bukit Trig dan siaran Tawau FM dipancarkan menggunakan stesen pemancar di gunung Andrassy, Gunung Silam dan Felda Sahabat.
- Perkhidmatan radio untuk daerah Keningau, Tambunan, Tenom, Nabawan, Pensiangan dan Sook disediakan melalui stesen pemancar seperti berikut:
 - i) Stesen pemancar RTM di Gunung Layang-Layang untuk perkhidmatan radio di Daerah Utara Keningau, Tambunan dan Sook.
 - ii) Stesen Bukit Singapon untuk perkhidmatan radio di Daerah Selatan Keningau dan Tenom.
- Kawasan-kawasan tersebut di atas boleh menikmati 6 perkhidmatan radio FM RTM iaitu Klasik Nasional, Muzik FM, Sabah Fm, TraxxFM, AiFM dan VFM.

- Perkhidmatan radio Klasik Nasional, Sabah FM dan VFM untuk Daerah Nabawan disediakan melalui stesen pemancar radio di pekan Nabawan.
- Kementerian Penerangan dalam perancangan untuk membina stesen pemancar baru di Pegalungan bagi kawasan Pensiangan untuk menyediakan perkhidmatan radio Klasik Nasional, Sabah FM dan VFM.

Agihan Masa Siaran 24 jam Radio Sabah, V FM 2008

Kadazan - 4 jam 30 minit
Dusun - 3 jam 30 minit
Murut - 3 jam
Bajau - 4 jam 30 minit
Cina - 2 jam 30 minit
Inggeris - 6 jam

Input oleh:

Abu Bakar Abdul Rahim
Timbalan Ketua Pengarah (Kejuruteraan)

Disemak oleh:

Dato' Adilah Shek Omar
Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran (Rancangan)

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Datuk Jusli bin Ajirol
[Libaran]**

TARIKH : 30 April 2008

**SOALAN : Datuk Jusli bin Ajirol [Libaran] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan keberkesanan
misi kita menjadikan sektor pertanian
sebagai enjin pertumbuhan ekonomi.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua

Di bawah Rancangan Malaysia Ke 9, sektor pertanian dipergiatkan semula untuk menjadi jentera pertumbuhan ketiga ekonomi negara di mana penekanan diberikan kepada konsep *Pertanian Baru* yang

melibatkan pertanian komersil berskala besar, penggunaan teknologi moden yang lebih meluas, pengeluaran yang berkualiti dan mempunyai nilai di tambah yang tinggi, memanfaatkan sepenuhnya potensi dalam bio teknologi, penggabungan dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan penglibatan usahawan tani dan tenaga kerja mahir.

Oleh yang demikian, pertumbuhan sektor ini disasarkan pada kadar 5 peratus setahun dengan anggaran nilai sumbangan berjumlah RM27.5 bilion. Bagi komoditi makanan pula, ia di sasar tumbuh pada kadar 7.6 peratus dengan anggaran sumbangan nilai berjumlah RM11.9 bilion menjelang tahun 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Alhamdulillah, segala usaha yang dilaksanakan telah mula memberi kesan dan menampakkan hasilnya di mana pengeluaran dan eksport agro makanan telah dapat dipertingkatkan. Begitu juga dengan sumbangan sektor ini kepada KDNK negara dapat dipertingkatkan.

Pada tahun 2007, sektor agro makanan telah menyumbang sebanyak RM15.6 bilion kepada KDNK berbanding dengan RM14.4 bilion pada tahun 2006 iaitu meningkat sebanyak 8.3 peratus. Manakala eksport bahan makanan juga telah meningkat kepada RM13.8 bilion pada tahun 2007 berbanding dengan RM11.3 bilion pada tahun 2006 iaitu peningkatan sebanyak 21.2 peratus.

Dari segi pengeluaran makanan pula seperti padi, pengeluarannya telah meningkat kepada 2.3 juta tan metrik pada tahun 2007 berbanding dengan 2.2 juta tan metrik pada tahun 2006. Pengeluaran bagi buah-buahan dan sayur-sayuran juga telah meningkat kepada 2.4 juta tan metrik berbanding dengan 2.2 juta tan metrik pada tahun 2006 iaitu kenaikan sebanyak 9 peratus manakala pengeluaran daging meningkat kepada 1.1 juta tan metrik berbanding dengan 1 juta tan metrik pada tahun 2006 iaitu meningkat sebanyak 5.9 peratus.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT AK. JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 30 APRIL 2008

**SOALAN : DATUK RICHARD RIOT AK. JAEM [SERIAN]
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:**

Adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperluaskan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA - Integrated Agricultural Development Area) di Kota Samarahan ke kawasan Parlimen Serian. Kalau ya, bilakah ianya dijangka dimulakan, dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua:
Konsep Kawasan Pembangunan Bersepadu (Integrated Agricultural Development Area (IADA) adalah berasaskan pembangunan 'in situ' bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan golongan sasaran serta memodenkan sektor pertanian melalui pembangunan infrastruktur dan subsektor tanaman, perikanan dan ternakan.

IADA Samarahan merupakan salah satu daripada dua IADA yang telah dilaksanakan di Sarawak semenjak tahun 1986.

Objektif IADA Samarahan adalah untuk:

1. Mempertingkatkan pengeluaran makanan negara dengan memajukan kawasan pengeluaran makanan (tanaman) seluas 6,500 ha dalam Rancangan Malaysia Ke sembilan (RMK-9).
2. Membina, menaik taraf serta menyelenggara kemudahan infrastruktur seperti jalan ladang, pintu kawalan air (TCG) dan sistem perparitan selaras dengan perkembangan projek-projek pengeluaran makanan.
3. Meningkatkan hasil pendapatan peserta projek melebihi tahap RM1,500.00 sebulan dalam tempoh lima tahun pelaksanaan projek.
4. Melahirkan usahawan yang berdaya saing dari pelbagai bidang usaha termasuk pertanian, ternakan dan industri asas tani.

IADA Samarahan terbahagi kepada 3 zon iaitu Kuala Samarahan, Samarahan Tengah dan Ulu Samarahan dengan keluasan 86,000ha.

Di bawah RMK-9, IADA Samarahan menerima peruntukan sebanyak RM50,840,000.00.

Berkaitan dengan saranan Yang Berhormat supaya IADA Samarahan diluaskan ke kawasan Parlimen Serian, buat masa ini Kementerian tiada perancangan ke arah itu kerana peruntukan sebanyak RM50,840,000 yang diluluskan di bawah RMK-9 adalah bagi membangunkan kawasan seluas 6,500 ha sahaja.

SOALAN NO: 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN KHAIRY JAMALUDDIN**
TARIKH : **30 April 2008**
SOALAN :

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [Rembau] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sama ada Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk mengenakan levi dan menetapkan gaji minimum bagi pekerja asing di negeri masing-masing.

PR-1211-L11564

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua

Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan levi bagi pekerja asing di negeri masing-masing. Ini adalah kerana pengenaan levi adalah merupakan **suatu bentuk pengenaan cukai**. Berdasarkan Perkara 96 Perlembagaan Persekutuan, pengenaan cukai hanya boleh dibuat melalui atau di bawah kuasa undang-undang persekutuan.

Perkara berhubung dengan 'taxes' (yang berdasarkan takrif yang dinyatakan dalam kamus dan kes undang-undang boleh termasuk levi) disebut dalam butiran 7(h) Senarai Persekutuan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, kuasa untuk mengenakan levi bagi pekerja asing terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga tidak mempunyai kuasa untuk menetapkan gaji

minimum bagi pekerja asing di negeri masing-masing. Ini adalah kerana mengikut butiran 15 Senarai Persekutuan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, khususnya butiran 15(a), perkara berhubung dengan “labour” termasuk “welfare of labour” merupakan perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)
NO. PERTANYAAN : NO. 20

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan :-

- (a) bilakah Kerajaan akan mengemukakan draf kertas cadangan bagi meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) sebagaimana yang diumumkan Menteri Pengajian Tinggi; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat memanggil golongan yang mempunyai kesan langsung dalam hal tersebut misalnya wakil persatuan mahasiswa, para akademik, Badan Peguam dan Jawatankuasa Bebas untuk turut memberi input. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di. Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji dan menyemak peruntukan-

peruntukan yang terdapat dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) secara menyeluruh.

Deraf cadangan pindaan AUKU 1971 kini di peringkat akhir dan Kementerian Pengajian Tinggi berharap akan membentangkan deraf ini di Mesyuarat Parlimen yang akan datang.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 telah banyak kali mengadakan perjumpaan dan konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan dan mempunyai kesan langsung dengan pindaan Akta ini. Ianya termasuklah ahli Parlimen, pihak pengurusan tertinggi universiti, persatuan kakitangan akademik universiti, badan bukan kerajaan dan persatuan mahasiswa pelajar. Kementerian percaya proses rundingan dengan pelbagai pihak berkepentingan akan dapat menghasilkan satu cadangan pindaan AUKU yang komprehensif dan mantap serta menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAIB AZAMUDDIN BIN MD TAIB
(BALING)**

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN:

Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:-

apakah dalam keghairahan memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan menarik seberapa ramai pelancong ke negara ini yang ia akan memperkukuhkan aliran wang asing memasuki negara, apakah tindakan Kementerian untuk memastikan bahawa sosiobudaya ketimuran dan keislaman terpelihara.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelancongan menyedari dan sentiasa mengambil berat akan peraturan-peraturan sedia ada berhubung penganjuran program dan aktiviti yang melibatkan bukan sahaja masyarakat tempatan tetapi juga pelancong asing, demi memastikan sosio-budaya tempatan dan keagamaan sentiasa terpelihara.

Bagi penganjuran konsert artis luar negara di Malaysia misalnya, Kementerian Pelancongan telah mengingatkan pihak penganjur agar mematuhi Garis Panduan Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, yang mengehendaki artis-artis luar negara mematuhi kod etika yang dinyatakan di dalam garis panduan tersebut.

Selain itu, aktiviti promosi yang telah dan sedang dijalankan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan sentiasa peka terhadap penggunaan imej dan visual yang memaparkan sosio-budaya tempatan sebagai salah satu elemen untuk menarik perhatian pelancong asing ke Malaysia.

Tambahan kepada itu, Kerajaan juga mengadakan Rumah Terbuka yang memberi peluang kepada para pelancong untuk mengenali dan menghayati keharmonian hidup masyarakat berbilang bangsa

dan agama, yang sememangnya merupakan salah satu daya tarikan bagi pelancong asing untuk ke Malaysia.

NO SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD PUAD BIN ZARKASHI
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN:

Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [Batu Pahat] minta PERDANA MENTERI menyatakan dalam konteks Malaysia, apakah Kerajaan 'simple majority' dianggap lemah dan boleh menjejaskan perpaduan, menarik kemasukan pelabur asing serta usaha menjadikan Malaysia negara maju.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Alhamdulillah, rakyat telah memberi sokongan dan mandate kepada Barisan Nasional untuk terus memimpin dan membangunkan Negara agar kita dapat menjadi sebuah Negara maju menjelang tahun 2020. Sebenarnya, Kerajaan Barisan Nasional menguasai 63 peratus daripada kerusi di dalam Dewan Rakyat. Dengan kemenangan kukuh ini, Kerajaan boleh terus melaksanakan dasar dan mendapat kelulusan rang undang-undang di Parlimen.

Kerajaan juga yakin akan dapat terus menarik kemasukan pelabur asing. Pelabur asing masih berminat untuk melabur dalam Negara kerana ekonomi kita masih mantap dan dasar yang selama ini telah menarik mereka masih dikekalkan. Malah, Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi daya saing Negara.

Sekian, terima kasih.

SULIT

NO SOALAN : 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MUKHRIZ BIN
TUN DR. MAHATHIR
(JERLUN)**

**TARIKH : 30 APRIL 2008
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kenapa kapal-kapal perang Amerika Syarikat yang dikuasai nuklear seperti USS Ronald Reagan dan USS Enterprise yang dalam perjalanan ke Teluk Parsi dibenarkan singgah di Pelabuhan Klang memandangkan negara telah menandatangani triti Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan oleh kapal pengangkut pesawat berkuasa nuklear *USS RONALD REAGAN* pada 3 hingga 6 Jun 2006 dan *USS ENTERPRISE* pada 16 hingga 20 Ogos 2007 adalah merupakan siri lawatan muhibah ke Malaysia. Sebelum kapal-kapal berkenaan dibenarkan masuk dan berlabuh di pelabuhan Malaysia, kapal-kapal tersebut telah diarahkan membuat deklarasi sama ada membawa nuklear atau sebaliknya. Keizinan masuk berlabuh diberi oleh Kerajaan Malaysia setelah pelbagai jabatan berkaitan berpuas hati dengan penjelasan oleh pihak Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan kapal-kapal perang ini tiada membawa sebarang senjata nuklear melainkan ia hanya menggunakan tenaga nuklear sebagai bahan bakar untuk menjana sumber tenaga menggerakkannya, kerajaan memberi kebenaran bagi kapal-kapal tersebut singgah di pelabuhan negara. Ini adalah sejajar dengan peruntukkan Artikel 7 dalam Triti Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara yang ditandatangani pada 15 Disember 1995 di Bangkok. Mengikut Artikel 7 ini, tiap-tiap

SULIT

negara yang terlibat dengan triti berkaitan adalah diberi kuasa budi bicara sama ada untuk membenarkan lawatan oleh kapal asing.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MARCUS
MOJIGOH
(PUTATAN)**

TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)

NO. SOALAN : 24

**Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH minta **MENTERI
PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN
WARISAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil
oleh Kerajaan dalam mengikis pra-sangka di antara kaum di
Malaysia.**

JAWAPAN

Tan Sri Yang Dipertua,

Kerajaan telah melaksanakan program – program pengukuhan keharmonian di antara kaum sejak kemerdekaan pada tahun 1957 dan telah mengambil langkah-langkah bagi mengikis pra-sangka terutamanya selepas peristiwa 13 Mei 1969. Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- 1) Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menstruktur semula masyarakat yang dilaksanakan sejak tahun 1970. Dasar ini masih relevan dan diperlukan untuk mengikis pra-sangka di antara kaum terutamanya mengenai keseimbangan ekonomi.**

- 2) Dasar Pendidikan yang memberi peluang kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan supaya Malaysia sentiasa mempunyai rakyat yang mencintai negara.**

- 3) Pewujudan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sebagai agensi peneraju dalam mengukuhkan perpaduan antara pelbagai kaum di negara yang tercinta ini.**

- 4) Pewujudan Panel Penasihat Perpaduan Negara bagi memberi nasihat dan pandangan mengenai program-program yang menyatu-padukan pelbagai kaum serta menghakiskan prasangka di antara kaum.**

5) Pelbagai program penyatuan dan perpaduan masyarakat telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW) antaranya :

- Program Kesedaran Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**
- Program Perpaduan dan Penyatuan Masyarakat**
- Program Integrasi Nasional**
- Program Kebudayaan / Anjuran Majlis Rumah Terbuka Malaysia**
- Kempen Budi Bahasa dan Nilai – nilai Murni**

Adalah menjadi harapan Kementerian ini agar semua lapisan masyarakat memainkan peranan utama untuk memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan antara kaum di negara ini. Semua rakyat mempunyai

peranan dan tanggungjawab dalam mengikis prasangka antara kaum.

SOALAN NO. 25**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ABDUL GHAFUR HAJI SALLEH
KAWASAN : KALABAKAN
TARIKH : 30.04.2008 (RABU)

**Y.B. DATUK ABDUL GHAFUR HAJI SALLEH minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:-**

- (a) berapa banyak syarikat penjual kenderaan di negeri Sabah yang diberi kebenaran mengimport kenderaan melalui AP; dan
- (b) berapa ramai di antara pemilik AP ini adalah syarikat milik Bumiputera dan berapa buah di antaranya yang benar-benar beroperasi dan dijalankan oleh pemilik Bumiputera sendiri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di pertua,

Jumlah keseluruhan pemegang AP Terbuka adalah sebanyak 83 syarikat termasuk 8 syarikat Konsortium. Daripada jumlah ini, 12 syarikat di negeri Sabah telah diperuntukkan AP Terbuka.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kelulusan peruntukan AP Terbuka adalah tertakluk kepada syarat-syarat utama berikut:

- (i) ekuiti syarikat hendaklah dipegang sepenuhnya oleh Bumiputera;
- (ii) urusan perniagaan dijalankan oleh syarikat sendiri tanpa menggunakan perkhidmatan syarikat pengantara; dan
- (iii) bilik pameran yang bersesuaian perlu dikekalkan dalam tempoh syarikat sebagai pemegang peruntukan AP.

Selaras syarat-syarat kelulusan peruntukan AP Terbuka ini, semua syarikat pemegang AP Terbuka adalah terdiri daripada Bumiputera dan menjalankan sendiri perniagaan penjualan kereta. Kementerian sentiasa membuat pemeriksaan bagi memastikan semua syarat-syarat dipatuhi. Peruntukan AP boleh ditarik balik jika terdapat bukti syarikat melanggar mana-mana syarat yang dikenakan.

.....

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

Pertanyaan : LISAN
Daripada : YB. DR. MUJAHID BIN HJ. YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)
Tarikh : 30 APRIL 2008 (RABU)

SOALAN:

YB. Dr. Mujahid b. Yusof Rawa (Parit Buntar) minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan Kementerian untuk memastikan kebebasan media dan hak mendapat maklumat kepada awam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan yang dikemukakan oleh YB Tan Kok Wai (Cheras) bernombor 63 bertarikh 13 Mei 2008.

Kementerian Penerangan sentiasa berusaha dan memberikan perhatian kepada hak rakyat untuk mendapatkan berita dan maklumat melalui RTM sebagai penyebar maklumat rasmi kerajaan. Kementerian memastikan dasar siaran berita RTM lebih

mengutamakan nilai berita, tanpa mengira personaliti dalam liputan berita tersebut. Selain berita, RTM turut memperkenalkan rancangan baru iaitu 'Bersemuka Dengan Media' dan 'Blog' dan terkini siaran langsung mengenai persidangan Parlimen yang membuktikan keterbukaan kerajaan dalam mendengar suara rakyat di samping memastikan hak mereka untuk mendapatkan maklumat.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Rancangan Bersemuka Dengan Media.

- Siaran langsung menerusi RTM1 setiap Selasa pukul 9.30mlm (60 minit)
- Rancangan mingguan ini mengundang Menteri Kabinet bersemuka dengan wakil-wakil media, bagi menjawab isu-isu semasa berkaitan dengan bidang kuasa kementerian berkenaan.
- Rancangan yang telah berlangsung:
 - (a) 8 April 2008: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Datuk Seri Mohamad Nazri Aziz menyentuh mengenai siaran langsung persidangan Parlimen
 - (b) 15 April 2008 : Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Datuk Amirsham Abdul Aziz berbicara mengenai kenaikan harga barang dan kesan krisis ekonomi dunia kepada Malaysia.
 - (c) 22 April 2008 : Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Y.B. Dato' Shahrir Abdul

Samad berbicara mengenai mekanisme kawalan kenaikan harga barang.

2. Rancangan 'Blog'

- Siaran langsung menerusi RTM1 setiap Ahad, 8.40 malam (20 minit)
- isu-isu semasa secara terbuka tanpa tapisan Mengundang para bloggers membahas dan mengutarakan pandangan mereka terhadap.

3. Hari Kebebasan Media (World Press Freedom Day)

(Diraikan setiap tahun pada 3 Mei 2008)

- **Hari Kebebasan Media** adalah hari yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya kebebasan media, dan untuk mengingatkan kerajaan tentang tugas dan tanggungjawab mereka bagi menghormati serta menjulang hak kebebasan bersuara seperti mana termaktub di bawah **artikel 19 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sedunia (*Universal Declaration of Human Rights*)**
- UNESCO memperingati Hari Kebebasan Media Sedunia pada setiap tahun dengan mengumpul para profesional media, organisasi berkaitan kebebasan media dan agensi di bawah PBB untuk menilai tahap kebebasan media sejagat dan

membincangkan penyelesaian kepada setiap cabaran yang berbangkit. Setiap persidangan akan tertumpu di sekitar tema berkaitan kebebasan media termasuk kecekapan tadbir-urus, liputan media berkenaan keganasan, ampuni (*impunity*) serta peranan media di negara-negara pasca konflik.

- Sambutan pada tahun ini diraikan dalam konteks Sambutan 60 tahun 'Universal Declaration of Human Rights' yang disambut dengan tema '**Freedom of Expression, Access To Information and The Empowerment Of People**'.

4. Ukuran kebebasan media di Malaysia (negara : masyarakat majmuk)

- Banyaknya bilangan akhbar dan majalah pelbagai bahasa.
- Wujud pelbagai stesen radio/TV milik kerajaan dan swasta.
- Kebebasan akses maklumat melalui internet /web/blog
- Di Malaysia bilangan akhbar berbahasa Cina melebihi akhbar berbahasa Malaysia, Inggeris dan Tamil. Ini tidak berlaku di negara asing.
- Tiada sekatan kemasukan akhbar/majalah asing untuk diedarkan di negara ini kecuali yang melanggar peraturan/undang-undang negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN : 815

Y.B. Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca utama yang menyebabkan warga asing sukar mendapat Kedudukan Warga Tetap (PR) serta bilangan jumlah permohonan dan bilangan pemohon yang berjaya mendapat kewarganegaraan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y. B. Gelang Patah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan untuk mendapatkan taraf pemastautin tetap dan kewarganegaraan bukannya suatu hak atau keistimewaan yang boleh dituntut oleh orang-orang asing yang menetap di negara ini. Pemberian taraf tersebut kepada orang-orang asing adalah merupakan anugerah yang tertinggi oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian setiap permohonan hendaklah memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan oleh undang-undang negara ini.

Di dalam menimbang sesuatu permohonan asas-asas yang perlu dipenuhi oleh pemohon ialah tempoh menetap di negara ini, tidak mempunyai rekod jenayah, mempunyai sumbangan kepada masyarakat dan negara, dapat menerima serta mengamalkan budaya masyarakat di negara ini, berniat untuk tinggal tetap dan mencurahkan taat setia kepada Raja dan Negara.

Sejak tahun 2002 hingga tahun 2007 sebanyak 15,435 permohonan mendapat taraf kewarganegaraan telah diterima dan dari jumlah tersebut sebanyak 2,330 permohonan telah diluluskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Khalid Bin Abdul Samad (Shah Alam) minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan yang telah diambil ke atas Pertubuhan Profesional Melayu dan Pewaris Bangsa (Pro Waris) berikutan tuduhannya bahawa Akta IRDA 664 bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang bercirikan demokrasi berpelembagaan kerana Akta IRDA 664 dan pembangunan WPI mengeneppikan hak bangsa Melayu, menggugat kesucian agama Islam dan mencabar kedaulatan raja dan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan telah melancarkan inisiatif Koridor-Koridor Pembangunan sebagai salah satu pendekatan baru yang lebih bersepadu dan terselaras untuk menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah dan negeri yang wujud di negara ini. Kerajaan amat mengutamakan pertumbuhan yang seimbang dalam memastikan faedah dari pertumbuhan dapat dinikmati oleh semua rakyat secara adil dan saksama. Inilah merupakan hasrat dan objektif

utama inisiatif Koridor Pembangunan ini dilaksanakan di bawah RMKe-9 iaitu bagi memastikan wilayah dan negeri-negeri yang kurang maju dapat mengalami pertumbuhan dan pembangunan yang lebih pesat.

Selain daripada bertujuan untuk menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan wilayah di negara ini, pelaksanaan koridor pertumbuhan seperti Wilayah Pembangunan Iskandar, ataupun sekarang ini dikenali sebagai **Iskandar Malaysia**, adalah bermaksud untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi yang lebih pesat di kawasan berkenaan. Harapan Kerajaan adalah dengan adanya lebih banyak peluang-peluang pekerjaan atau perniagaan ini maka penduduk tempatan akan mendapat faedah terutamanya dari segi peningkatan pendapatan dan kualiti hidup yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, Kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas tuduhan oleh Pertubuhan Profesional Melayu dan Pewaris Bangsa (Pro Waris) yang mengatakan Akta IRDA 664 bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan bahawa pembangunan di Iskandar Malaysia mengenyepikan hak bangsa Melayu, menggugat kesucian agama Islam dan mencabar kedaulatan raja dan negara. Ini kerana Kerajaan beranggapan bahawa tuduhan ini dibuat kerana mereka sebenarnya tidak faham tentang konsep dan matlamat sebenar penubuhan koridor-koridor pembangunan ini.

Walau bagaimanapun, tuduhan ini adalah tidak benar kerana pelaksanaan pelan pembangunan Iskandar Malaysia ini, dan juga koridor-koridor yang lain, sebenarnya dibuat dengan mengambilkira kepentingan semua kaum di Malaysia dan tiada kaum akan dipinggirkan. Ingin saya tegaskan, tidak ada kaum yang dipinggirkan, apa tah lagi bangsa Melayu. Mengikut Pelan Induk yang dirangka bagi Iskandar Malaysia, antara lima (5) tiang strategik utama yang ditetapkan untuk Iskandar Malaysia, salah satu daripadanya ialah untuk memastikan ekuiti sosioekonomi dan penerimaan penduduk tempatan terhadap rancangan pembangunan Iskandar Malaysia ini. Oleh itu, kepentingan kaum termasuklah bangsa Melayu dalam kawasan Iskandar Malaysia ini sudahpun diambilkira dalam rangka rancangan Iskandar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Satu contoh bahawa Kerajaan sentiasa berusaha dari masa ke semasa menjaga kepentingan orang Melayu ialah menerusi usaha yang sedang diambil oleh **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD)**. MECD juga sedang mengambil tindakan konstruktif untuk merangka satu **Pelan Tindakan Koridor** bagi membantu penglibatan dan mengenal pasti golongan usahawan Bumiputera yang berdaya tahan dan berdaya saing untuk terlibat dalam pembangunan di semua koridor, dengan harapan masyarakat Bumiputera tidak akan tertinggal oleh arus pembangunan mega yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada fakta dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ini maka jelas bahawa Akta IRDA 664 dan pembangunan yang dirancang di Iskandar Malaysia, tidak pernah mengenenpikan hak bangsa Melayu, malah peluang bagi usahawan Melayu di Iskandar Malaysia tidak pernah disekat dan akan terus diberi perhatian sewajarnya oleh pihak-pihak berkuasa di wilayah Iskandar Malaysia. Bermacam usaha telah Kerajaan laksanakan supaya orang Melayu turut menikmati peluang pelaburan yang sama untuk terbabit di dalam pembangunan di Iskandar Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
(WANGSA MAJU)
TARIKH : RABU, 30 APRIL 2008
RUJUKAN : 001
SOALAN : 29

Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa banyak wang yang telah dibelanjakan oleh DBKL setakat ini untuk kos "piling dan foundation" bagi projek terbengkalai Plaza Rakyat, hub pengangkutan KL dan berapa banyak lagi yang akan dibelanjakan untuk menyiapkannya dan apakah hasrat DBKL untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di KL.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pembangunan Plaza Rakyat merupakan projek **usaha sama** di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pemaju iaitu Tetuan Plaza Rakyat Sdn. Bhd. (PRSB) yang ditandatangani pada 16 Disember 1992 di mana **tanah merupakan milik DBKL dan PRSB menanggung segala kos pembangunan.**

Di bawah projek usaha sama ini, pihak DBKL tidak mengeluarkan perbelanjaan lain selain daripada kos tanah dan **kos untuk kerja-kerja pembinaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemaju.** Untuk makluman Yang Berhormat, kos yang telah dibelanjakan oleh pihak pemaju bagi **kerja-kerja *piling dan foundation*** setakat ini dianggarkan sebanyak **RM150** juta. **Kos pembinaan keseluruhan** bagi menyiapkan Projek Plaza Rakyat ini dianggarkan sebanyak **RM1.2 billion.**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju ialah mengenai hasrat DBKL untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

Dalam hal ini, DBKL bukan sahaja berhasrat, malah berusaha supaya masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur dapat diuruskan dengan lebih teratur. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama-sama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan dengan pengurusan lalu lintas, sedang mengambil pendekatan secara menyeluruh khususnya penekanan kepada usaha-usaha penambahbaikan yang dibahagikan kepada kategori seperti berikut :

- a. Jaringan Jalan Raya dan Pengurusan Lalu Lintas;
- b. Pengangkutan Awam;
- c. Kemudahan Sokongan;
- d. **Intelligent Transportation System (ITS)**; dan
- e. Institusi dan Organisasi

DBKL juga sedang mempertingkatkan kesedaran orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam sebagai langkah terbaik yang dapat membantu masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur. Sasaran DBKL adalah sekurang-kurangnya 40% pengguna, menggunakan pengangkutan awam menjelang tahun 2020.

NO SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesulitan yang dihadapi oleh YAB untuk melantik seorang ahli bagi menjawat jawatan Menteri Kewangan. Nyatakan sebab-sebab YAB Perdana Menteri masih mahu memegang jawatan Menteri Kewangan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Perlantikan mana-mana individu untuk menjawat jawatan Menteri Kewangan merupakan hak budi bicara YAB Perdana Menteri.

Kementerian Kewangan merupakan agensi atau Kementerian pusat yang memainkan fungsi besar dalam urusan harian dan pentadbiran Kerajaan. Selain daripada urusan berkaitan kewangan Kerajaan itu sendiri, Kementerian Kewangan juga bertanggungjawab ke atas agensi-agensi seperti Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti, serta penyeliaan ke atas entiti lain seperti syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs).

Dalam hal ini, kedudukan YAB Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan boleh mengukuhkan lagi Kementerian Kewangan sebagai sebuah Kementerian pusat yang berperanan besar dan luas pengaruhnya. Dengan memegang kedua-dua jawatan, visi Perdana Menteri dan pelaksanaan Kerajaan dapat diselaras dan dijalankan dengan lebih efisien dan efektif.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
(TENGGARA)
PERTANYAAN : MULUT
TARIKH : 30.04.2008

Datuk Halimah binti Mohd Sadique (**Tenggara**) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebenarnya mandat *Government Linked Company* (GLC) dalam konteks pembangunan negara di mana ada di antara (GLC) terlalu mengutamakan *Key Performance Index* (KPI) dan *bottom line* sehingga melupakan tanggungjawab sosial mereka.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Transformasi GLC (GLCT) telah dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri pada Mei 2004 bertujuan untuk merealisasikan keupayaan dan kemampuan penuh GLC demi kepentingan negara. Melalui GLCT yang mengutamakan pencapaian KPI, GLC telah terdorong meningkatkan prestasi masing-masing untuk mencapai objektif syarikat. Memandangkan sebahagian besar objektif GLC adalah berorientasikan kesejahteraan masyarakat, maka penekanan terhadap pencapaian KPI secara tidak langsung akan menyumbang ke arah pencapaian objektif sosial GLC.

Bagaimana pun, mandat setiap GLC berbeza di mana bagi GLC yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan serta masih menerima bantuan kewangan Kerajaan, keutamaan boleh diberikan kepada pelaksanaan tanggungjawab sosial. Sungguhpun demikian, atas asas akauntabiliti, GLC berkenaan masih perlu menunjukkan prestasi kewangan yang baik. Manakala, bagi GLC yang tersenarai di Bursa Malaysia maka tidak bergantung pada bantuan kewangan Kerajaan, keutamaan perlu diberikan pada usaha mengoptimumkan pulangan kepada pemegang saham.

Namun bagi memastikan tanggungjawab sosial tetap menjadi antara agenda penting GLC, Buku Perak diterbitkan khusus mengenai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang menekankan kepentingan GLC mengimbangi antara tuntutan ekonomi dan kepentingan pembangunan sosial dan kemasyarakatan.

Di samping itu juga, apabila GLC memberi keutamaan pada peningkatan pulangan kepada pemegang saham, secara tidak langsung ia mendorong GLC untuk memperbaiki tahap dan mutu perkhidmatan masing-masing.

Tuan Yang Dipertua,

Penglibatan GLC dapat dilihat dalam sektor strategik dan kritikal seperti tenaga, tele-komunikasi, pengangkutan

(pelabuhan, pengurusan lapangan terbang, penerbangan), infrastruktur dan perkhidmatan kewangan. Maka, penambahbaikan perkhidmatan GLC sekaligus menyumbang kepada pencapaian objektif pembangunan negara untuk menjadikan Malaysia lebih kompetitif. Rakyat juga berpeluang mendapat perkhidmatan yang lebih cekap. Peningkatan pulangan GLC yang tersenarai di Bursa Malaysia juga didapati telah memberi manfaat yang lebih besar kepada pembangunan negara.

Program Transformasi GLC telah menjadi penyumbang utama kepada pemulihan prestasi Bursa selama empat tahun yang lalu dan ia telah membolehkan pewujudan kekayaan di kalangan rakyat Malaysia. Peningkatan pulangan GLC juga telah membolehkan institusi pelaburan dan kewangan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera mengumumkan terbitan dividen pada kadar yang lebih tinggi. Sebagai contoh, Lembaga Tabung Haji yang telah mengumumkan kadar dividen pada 7 peratus bagi tahun 2007 berbanding hanya 4.3 peratus pada tahun 2006 telah memberi manfaat kepada lebih 5 juta rakyat Malaysia.

Justeru itu, kita yakin dan percaya bahawa keutamaan kepada peningkatan pulangan sebagai KPI GLC diberikan tanpa mengabaikan kepentingan pelaksanaan tanggungjawab sosial. Kedua-dua elemen ini iaitu prestasi kewangan yang kukuh dan tanggungjawab sosial adalah saling berkaitan. Senario domestik serta perkembangan global menunjukkan bahawa apabila sebuah syarikat melaksanakan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat setempat, penerimaan terhadap barangan keluaran syarikat tersebut meningkat. Tenaga kerja yang terdiri daripada masyarakat setempat juga akan lebih setia dan produktif. Dengan erti kata lain syarikat tersebut akan mendapat faedah yang berganda dalam jangka panjang.

Tambahan pula peningkatan jumlah keuntungan melalui penambahbaikan pengurusan dan operasi GLC hasil daripada pelaksanaan Program Transformasi GLC telah dan akan memberi impak positif kepada pelaksanaan program pembangunan sosial kerana GLC memiliki lebihan dana yang boleh disalurkan bagi tujuan murni tersebut.

Sebagai contoh, jumlah bantuan pendidikan secara biasiswa dan pinjaman oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) meningkat sebanyak 9.3% iaitu daripada RM11.8 juta pada

tahun 2006 kepada RM12.9 juta pada tahun 2007. Jumlah bantuan kewangan tahunan kepada UNITEN juga telah meningkat sebanyak 25% atau RM19 juta daripada RM76 juta kepada RM95 juta masing-masing pada tahun 2006 dan 2007.

Kesimpulannya, pelaksanaan tanggungjawab sosial telah dilaksanakan oleh GLC seiring dengan pencapaian KPI masing-masing demi keseimbangan pembangunan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
(PARIT)
TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)

SOALAN: 32

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria (Parit) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah strategi-strategi pelan jangka panjang untuk menaik taraf atlet-atlet negara agar lebih berdaya saing bagi mengharumkan nama negara.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan bersama Majlis Sukan Negara sememangnya menjadikan hasrat untuk mempertingkatkan prestasi sukan di negara ini sebagai satu agenda penting di Kementerian. Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan untuk meningkatkan prestasi sukan di negara ini. Walaupun sukan negara menunjukkan peningkatan prestasi di peringkat antarabangsa tetapi Kerajaan tidak boleh berpuas hati dan usaha yang lebih giat perlu dilakukan untuk memastikan prestasi sukan negara akan lebih konsisten di peringkat antarabangsa. Kerajaan melihat sukan sebagai satu perkara yang penting kerana ianya merupakan satu cara yang lebih mudah dan berkesan dalam menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum,

agama dan latar belakang. Di samping itu sukan juga mampu mempertingkatkan imej negara kita melalui pencapaian cemerlang atlet atau pasukan-pasukan di pertandingan-pertandingan antarabangsa.

2. Sukan prestasi tinggi adalah mahal untuk dilaksanakan. Ini adalah kerana kos untuk menyediakan atlet-atlet yang dapat bersaing dengan atlet-atlet dari negara lain adalah melibatkan kos yang besar dibandingkan dengan pelaksanaan program-program sukan yang semua. Setiap negara di dunia ini akan berusaha termasuk dengan membelanjakan dengan peruntukan yang banyak dalam melahirkan atlet-atlet dan pasukan kebangsaan masing-masing supaya dapat memenangi kejohanan-kejohanan antarabangsa tertentu. Saingan yang hebat ini menyebabkan kos untuk menyediakan atlet dan pasukan yang mampu bersaing menjadi mahal.
3. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sentiasa menggalakkan badan-badan sukan yang berdaftar khususnya persatuan sukan kebangsaan bekerja bersama-sama untuk menyediakan program-program latihan jangka sederhana dan jangka panjang bagi memastikan atlet-atlet sukan prestasi tinggi negara dapat berlatih dengan lebih berkesan dengan sokongan kewangan dan perkhidmatan yang sistematik dan saintifik. Cabaran utama ialah bagi memastikan atlet-atlet elit menerima sukan sebagai kerjaya profesional masing-masing. Seseorang atlet elit memerlukan latihan 6 – 8 jam sehari dan ini memerlukan atlet-atlet negara kita menjalani latihan secara sepenuh masa. Melalui pendekatan ini berbagai-bagai skim latihan telah diwujudkan iaitu skim latihan atlet sepenuh masa, program pendedahan latihan luar negara, program '*attachment*' atlet berlatih di luar negara di samping skim ataupun

program-program lain yang akan menyokong latihan atlet tersebut seperti program kejurulatihan, program pertandingan dalam dan luar negara, program khidmat sokongan sains sukan, program khidmat sokongan perubatan sukan, program khidmat sokongan kebajikan atlet dan sebagainya.

4. Selaras dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang mana Kementerian Belia dan Sukan telah diamanahkan untuk melahirkan atlet-atlet bertaraf dunia menjelang 2010, maka Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah menetapkan program-program jangka panjang sehingga tahun 2010 malahan turut melibatkan program ke arah Sukan Olimpik 2012 di mana beberapa pendekatan dan strategi-strategi yang telah digariskan di dalam RRJP3 ke arah melahirkan atlet bertaraf dunia adalah seperti berikut:-
 - i. Menumpukan kepada jenis sukan di mana atlet Malaysia boleh dilatih menjadi atlet bertaraf dunia. Ini memerlukan pemilihan jenis sukan berasaskan kepada 3 perkara utama iaitu rekod prestasi, kemampuan kejayaan bukan bergantung kepada faktor fizikal dan populariti serta pengurusan persatuan sukan berkenaan. Sebanyak 19 jenis sukan telah dikenal pasti iaitu akuatik, angkat berat, berbasikal, badminton, bola sepak, boling padang, gimnastik, hoki, karate, memanah, menembak, olahraga, pelayaran, sepak takraw, silat olahraga, skuasy, taekwondo, tenpin boling dan wushu.

- ii. Menyediakan pakej menyeluruh dalam program latihan seseorang atlet yang dikenal pasti seperti pakej pendidikan, kebajikan, pekerjaan dan program binaan latihan yang bertaraf antarabangsa.
- iii. Mempertingkatkan pembangunan sukan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi melalui kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Tumpuan akan diberikan kepada program pengenalpastian bakat dan pembentukan kemahiran serta pendedahan latihan asas yang lebih mantap. Pendidikan asas Gimnastik dan Olahraga sebagai kurikulum pendidikan jasmani. Tumpuan juga diuruskan kepada menambahkan lagi sekolah-sekolah sukan negara dan sekolah-sekolah sukan negeri dan daerah bagi memudahkan program latihan dijalankan. Ini memerlukan peningkatan keperluan dan naik taraf kemudahan-kemudahan sukan di sekolah di samping meningkatkan lagi bilangan guru/jurulatih yang berkelayakan dan berkualiti.
- iv. Memperkasakan persatuan-persatuan sukan kebangsaan negeri dan daerah dengan berasaskan kepada Akta Pembangunan Sukan supaya sukan-sukan dapat diuruskan secara profesional bagi meninggikan lagi kualiti pertandingan dalam negara. Keperluan untuk menambahkan lagi serta menyusun struktur pertandingan tempatan yang lebih berkualiti dan bertaraf tinggi di samping menggalakkan kejohanan sukan antarabangsa bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi latihan dan pertandingan sukan antarabangsa.

- v. Keperluan untuk mempertingkatkan serta mengoptimumkan penggunaan kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada di seluruh negara bagi menyemai budaya sukan di kalangan rakyat yang mana akan menjadi asas kepada minta untuk bergiat cergas dalam sukan prestasi tinggi dan sukan untuk semua.
- vi. Melibatkan lebih banyak syarikat swasta dalam membantu pembangunan sukan negara baik sebagai penaja secara langsung mahupun secara tidak langsung seperti memberi galakan dan peluang bersukan dikalangan kakitangan di samping menyediakan kemudahan dan peralatan sukan yang memudahkan penggiat sukan bergerak cergas.
- vii. Menambahkan lagi bilangan jurulatih dan pegawai teknikal yang berkelayakan dan bertauliah dengan tumpuan kepada struktur pendidikan kejurulatihan sukan yang lebih berkualiti di samping menggalakkan penglibatan bekas-bekas atlet untuk menjadikan kejurulatihan sebagai satu profesion. Penglibatan lebih ramai pegawai teknikal di peringkat antarabangsa akan menjadikan negara sebagai rujukan sukan antarabangsa baik dari segi menganjurkan kejohanan antarabangsa mahupun menawarkan kepakaran teknikal ke peringkat antarabangsa.
- viii. Menyediakan skim kebajikan dan insentif yang menyeluruh dan meyakinkan masyarakat untuk menceburkan diri secara serius dalam sukan prestasi tinggi di mana melalui sukan akan membuka peluang-peluang kerjaya yang boleh memberi jaminan masa depan.

- ix. Mempertingkatkan pendekatan saintifik dalam pembangunan sukan dari peringkat asas hinggalah ke peringkat yang lebih tinggi supaya sumber yang terhad akan dapat dibentuk dengan lebih terkawal bagi mengelakkan pembaziran dan keciciran sebelum tempoh yang diharapkan.

- x. Menubuhkan rangkaian sistem maklumat sukan negara yang lebih efisien yang membolehkan pengetahuan dan maklumat sukan dikongsi bersama dalam era dunia tanpa sempadan ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

Pertanyaan : LISAN
Daripada : YB TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)
Tarikh : 30 APRIL 2008 (RABU)

SOALAN:

YB Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan hala tuju dan jangkamasa mengenai siaran langsung persidangan Parlimen melalui saluran internet, stesen radio dan televisyen.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh YB Dr. Mohd. Hatta Ramli (Kuala Krai) bertarikh 5 Mei 2008 dan soalan YB Dato' Ronald Kiandee (Beluran) pada 5 Mei 2008.

Langkah Kementerian Penerangan menyiarkan secara langsung persidangan parlimen bermula penggal kali ini

pada 30 April 2008 melalui RTM1 tanpa tapisan membuktikan sifat keterbukaan kerajaan dan ketelusan media arus perdana selari dengan amalan demokrasi negara. Siaran langsung 30 minit bagi sesi soal-jawab Dewan Rakyat ini turut disiarkan melalui Radio KLASIK Nasional dan laman web Kementerian.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Walaupun pada peringkat permulaan, hanya melibatkan sesi soal jawab, Kementerian bersedia memperluaskannya meliputi sesi perbincangan sekiranya mendapat reaksi positif masyarakat.
- Di samping siaran langsung, rancangan 'Parlimen Hari Ini' yang sedia ke udara melalui RTM1 sebelum ini akan turut disiarkan selama 30 minit semasa hari persidangan di samping lintas langsung pada waktu-waktu tertentu melalui Warta setiap jam di RTM1.
- Kos penerbitan dianggarkan sekitar RM 100 ribu untuk sesi sepanjang hari atau RM 3 juta untuk sesi 30 hari persidangan.

- Jika diambil kira kos talian telekom pula, kos keseluruhannya dianggarkan RM 9 juta untuk 30 hari persidangan.

Input oleh:

Hj. Wan Bukhari Wan Daud
Pengarah Berita Ehwat Semasa RTM (019-3563369)

Disemak oleh:

Dato' Adilah Shek Omar
Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran (Rancangan)
RTM

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG (KANOWIT)
TARIKH : 30.4.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG (KANOWIT) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebab "dropout" pelajar dari Tingkatan II sangat tinggi, iaitu 20% (mengikut statistik surat khabar). Berapakah jumlah pelajar ini mengikut negeri dan sekolah (di bandar dan luar bandar).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius terhadap masalah keciciran yang berlaku dalam kalangan murid di negara ini. Namun Peratus keciciran bagi pelajar Tingkatan 2 yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat sebanyak 20 peratus adalah tidak benar.

Analisis enrolmen mengikut aliran kohort menunjukkan peratus keciciran semasa peralihan daripada Tingkatan 2 ke Tingkatan 3 di sekolah KPM adalah di antara 1.7 – 2.4 peratus sahaja atau 6700 - 9500 pelajar setahun bagi tempoh 2000-2007.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Data KPM seperti pada 15 April 2008 menunjukkan kadar murid yang terkeluar daripada sistem persekolahan KPM

bagi negeri Sarawak dari Tingkatan Satu tahun 2006 ke Tingkatan Tiga tahun 2008, adalah 2 % sahaja. Kadar tersebut melibatkan seramai 863 murid (124 murid sekolah bandar dan 559 murid sekolah luar bandar) dari Tingkatan Satu tahun 2006 tidak memasuki Tingkatan Dua tahun 2007, dan 1,024 murid (396 murid sekolah bandar dan 628 murid sekolah luar bandar) Tingkatan Dua tahun 2007 tidak memasuki Tingkatan Tiga pada tahun 2008.

Perlu ditegaskan bahawa tidak semua murid yang meninggalkan persekolahan di bawah KPM telah berhenti terus daripada sistem persekolahan. Sebaliknya mereka mungkin meneruskan pelajaran di sekolah selain sistem KPM seperti sekolah swasta, Sekolah Rendah Agama Rakyat, Sekolah Agama Negeri dan institusi latihan MLVK. Perlu dijelaskan juga terdapat sebahagian murid telah berpindah ke sekolah KPM di negeri lain menyebabkan pertambahan enrolmen di negeri-negeri berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)

SOALAN :

YB Puan Norah binti Abd Rahman (Tanjung Manis) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan status program-program pembangunan ekonomi untuk membantu kaum wanita terutamanya ibu-ibu tunggal di Sarawak yang berada di kawasan luar bandar, untuk menaikkan sumber pendapatan mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melaksanakan pelbagai program untuk kaum wanita termasuklah bagi ibu-ibu tunggal yang tinggal di kawasan luar bandar di Sarawak bagi membantu mereka meningkatkan pendapatan. Di

negeri Sarawak, program-program wanita dan ekonomi dijalankan melalui latihan-latihan kemahiran penjana pendapatan. Mulai tahun 2008 Kementerian akan melaksanakan program kemahiran 'Jejari Bestari' di kesemua 11 bahagian di Sarawak yang akan melibatkan 330 orang peserta.

Pada tahun ini juga program 'Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) Sarawak yang bertujuan melahirkan usahawan dan pekerja mahir dalam pelbagai bidang kemahiran akan dilaksanakan. I-KIT merupakan salah satu projek pembasmian kemiskinan dan peningkatan kualiti hidup ibu tunggal yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Di samping itu, bagi memperkasakan wanita dan mempertingkatkan kapasiti mereka, seramai dua puluh satu ribu tiga ratus empat puluh empat (21,344) orang wanita Sarawak telah berpeluang menyertai program-program peningkatan kapasiti wanita yang telah dilaksanakan antara tahun 2001 hingga 2007.

Pelbagai program wanita lain juga telah dilaksanakan oleh Biro Wanita Sarawak di bawah Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Chong Chieng Jen [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)

SOALAN : 27 36

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan yang kini berkhidmat di Sarawak dan apakah pecahan dari segi kaum pegawai-pegawai dan negeri asal pegawai-pegawai tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan (tidak termasuk perkhidmatan polis dan tentera) yang kini berkhidmat di Sarawak mengikut negeri asal pegawai adalah seperti berikut:

Negeri Asal	Jumlah Pegawai	Peratus (%)
Semenanjung Malaysia	1,175	9.56
Sabah	245	1.99
Sarawak	10,873	88.45
JUMLAH	12,293	100

Setakat ini, tiada data mengikut pecahan kaum dan negeri-negeri Semenanjung.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSIN
(PASIR PUTEH)
TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)

SOALAN: 37

Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kemerosotan paling teruk dalam sejarah pasukan bola sepak negara dalam ranking dunia sehingga setanding dengan negara-negara yang mempunyai infrastruktur sukan yang rendah seperti Maldives, Hong Kong, Afghanistan dan Sri Lanka. Apakah langkah-langkah pemulihan serta peruntukan yang diberikan kepada FAM dan jumlah perbelanjaan infrastruktur sukan tersebut.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan mengakui bahawa adalah benar seperti tanggapan banyak pihak tentang mutu sukan bola sepak negara ini telah merosot dan mengecewakan berbanding dengan suatu masa dahulu. Walau bagaimanapun, dari segi populariti sukan ini masih lagi merupakan sukan yang paling popular jika dibandingkan dengan sukan-sukan yang lain. Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama rapat dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia dan perbincangan berterusan sentiasa diadakan dengan pemimpin persatuan berkenaan untuk mencari jalan supaya prestasi sukan ini dapat dipertingkatkan lagi. Persatuan Bola Sepak Malaysia telah memulakan Liga Semi Profesional mulai tahun 1989 dan kemudiannya dijadikan Liga Profesional sepenuhnya. Program pembangunan pemain-pemain remaja dan peringkat umur juga dilaksanakan dengan tujuan untuk melatih lebih ramai lagi pemain bola sepak yang berkaliber. Walau bagaimanapun, prestasi pasukan bola sepak negara masih lagi terumbang-ambing.

2. Kementerian tidak berhasrat untuk mengambil sebarang tindakan yang drastik terhadap Persatuan Bola Sepak Malaysia khususnya dari segi pengurusannya kerana ini akan menyebabkan kita dianggap sebagai mencampuri urusan kegiatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Ini akan membawa kepada campur tangan dari pihak pertubuhan sukan antarabangsa iaitu FIFA yang boleh menyebabkan Persatuan Bola Sepak Malaysia digantung dari menyertai sebarang kejohanan anjuran FIFA. Pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan adalah dengan mengerat dan memperkukuhkan lagi kerjasama dan pengaruh kita di

dalam perancangan dan pelaksanaan program yang dilaksanakan oleh FAM.

3. Melalui Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak, Kerajaan menyedari bahawa sukan bola sepak adalah sukan yang diminati dan popular pada segenap lapisan masyarakat. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada penghujung tahun 2004 telah bermesyuarat sebanyak 10 kali iaitu kali terakhir pada 31 Julai 2007. Oleh yang demikian, Jawatankuasa berkenaan telah memutuskan sukan bola sepak telah dipilih dalam LAPAN (8) jenis sukan teras untuk dimajukan bermula dari peringkat akar umbi sehinggalah ke peringkat tertinggi. Program ini telahpun dilaksanakan sejak awal tahun 2006 yang lalu dan sudah tentulah kita tidak dapat mempamerkan keputusan segera kerana ianya melibatkan proses pembangunan bakat-bakat sukan di peringkat akar umbi. Kementerian percaya bahawa untuk memulihkan mutu dan prestasi pasukan bola sepak kebangsaan perlulah dimulakan dari peringkat asas. Melalui program mengenal pasti bakat serta melatih mereka melalui program yang sistematik, pemain-pemain ini diharap akan dapat menguasai kemahiran yang dikehendaki. Di dalam jangka waktu yang panjang program ini akan dapat melahirkan atlet-atlet yang berbakat dan berpotensi untuk diketengahkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Justeru itu, Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan sendiri telah memilih sukan bola sepak sebagai salah satu dari lapan sukan teras yang akan dibangun dan dimajukan di segenap peringkat di dalam negara ini. Di antara pendekatan utama dalam program sukan teras adalah untuk memperkukuhkan program-program pembangunan atlet,

pentadbiran persatuan sukan di daerah, negeri dan kebangsaan, kemeriahan pertandingan sukan yang berkualiti, kemudahan infrastruktur yang lebih mudah digunakan oleh rakyat, pembangunan kepegawaian dan kejurulatihan yang lebih komprehensif dan khidmat sokongan bukan sahaja di peringkat kebangsaan malahan meliputi jauh ke peringkat negeri.

4. Prestasi pasukan bawah 20 dan 19 tahun negara kebelakangan ini agak memberangsangkan dengan prestasi mereka di Kejohanan Champion Youth Cup 2007 dan juga memasuki peringkat akhir Piala AFF Bawah 20 tahun 2005 dan 2007. Pasukan Bawah 23 tahun telah berjaya menjadi johan di Pestabola Merdeka 2007. Melalui penyeliaan Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara ini, maka program latihan pasukan-pasukan bola sepak negara baik pasukan kebangsaan mahupun pasukan remaja akan dapat diawasi dari segi aplikasi latihan yang berkualiti serta mendapat sokongan perkhidmatan sains sukan dan perubatan sukan yang lebih berkualiti. Walaupun kita tidak menaruh harapan yang tinggi bahawa kita boleh melakukan keajaiban dengan pasukan-pasukan ini, namun kita berharap bahawa dengan pendekatan latihan yang lebih komprehensif, maka ianya akan dapat dijadikan sebagai tauladan dan panduan kepada jurulatih-jurulatih di peringkat akar umbi untuk turut melaksanakan pendekatan yang sama. Majlis Sukan Negara juga telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia dan memperuntukkan bantuan berjumlah RM12,317,500 untuk tempoh tahun 2007. Pihak KBS melalui MSN telah bekerjasama dengan FAM menghantar atlet-atlet muda bola sepak menyertai program tindak dengan kelab ternama Eropah. Sebagai contoh dua orang pemain iaitu

Badrul Bakhtiar dan Bunyamin Omar telah menjalani latihan bersama pasukan pelapis Kelab Chelsea pada 6 – 20 April 2008. Manakala jurulatih negara iaitu B. Satianathan akan bersama-sama Kelab Chelsea pada bulan Julai 2008 bagi mendalami program kejurulatihan prestasi tinggi. Sementara itu, dua orang pemain iaitu Khairul Fahmi Che Mat dan Mohd Asraruddin Putra b. Omar bersama-sama jurulatih iaitu Abd. Nasir Yusof telah menjalani pemilihan akademi bola sepak Kelab PSV Eindhoven pada 17 – 25 November 2007.

6. Kementerian Belia dan Sukan dan Persatuan Bola Sepak Malaysia juga bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dalam melaksanakan program pembangunan pemain-pemain remaja berumur 13 hingga 15 tahun di 40 buah sekolah di seluruh negara. Pusat ini menyediakan kemudahan latihan kepada 1320 orang atlet yang dikendalikan oleh seramai 98 orang jurulatih yang terdiri daripada guru-guru sekolah yang bertauliah.

7. Kementerian Belia Dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara bersama FAM dengan kerjasama JPJS akan mencadangkan program-program bola sepak di mana FAM melalui Majlis Sukan Negara akan mewujudkan lebih banyak lagi pusat latihan daerah dan negeri di seluruh Malaysia di antara peringkat umur di bawah :-
 - i. 7 – 12 tahun (Tunas Bola sepak).
 - ii. 13 – 15 tahun (Tunas Cemerlang).
 - iii. 16 – 17 tahun (Akademi Bola sepak/SSBJ).
 - iv. 18 – 19 tahun (Piala Belia).

8. Namun begitu, kita sentiasa optimis bahawa mutu sukan bola sepak negara akan boleh dipertingkatkan tetapi seberapa cepat ianya dapat dilakukan bergantung kepada keberkesanan pelaksanaan program di peringkat akar umbi dan kelangsungan program itu dari peringkat remaja sehinggalah ke peringkat senior. Semua pihak harus bertanggungjawab dan mempunyai satu matlamat yang sama iaitu untuk meningkatkan prestasi bola sepak negara keseluruhannya dan bukannya kepentingan individu atau persatuan masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AMRAN BIN AB GHANI
(TANAH MERAH)**

TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)

SOALAN : 38

Tuan Amran bin Ab Ghani (Tanah Merah) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa gerabak-gerabak kereta api penumpang yang digunakan untuk laluan ke Kelantan berkeadaan buruk dan uzur berbanding dengan laluan ke negeri lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat dua (2) jenis perkhidmatan tren di Pantai Timur iaitu perkhidmatan tren Antarabandar antara Tumpat – Singapura dan Tumpat – Kuala Lumpur serta perkhidmatan tren tempatan. Bagi perkhidmatan tren Antarabandar tersebut, koc-koc penumpang adalah dalam keadaan baik. Bagi perkhidmatan tren tempatan iaitu sebanyak 23 buah koc penumpang yang mana penggunaan lebih tertumpu kepada

pengangkutan kanak-kanak sekolah serta membawa barangan pasar, koc-koc yang digunakan adalah melebihi tiga puluh (30) tahun usianya. Dari segi operasi, koc-koc tersebut masih boleh digunakan dengan baik kerana jarak perjalanannya adalah pendek dan berkelajuan rendah.

KTMB pada masa ini sedang dalam fasa untuk membaikpulih 23 koc penumpang yang terdiri daripada koc kelas tiga, *third van* dan koc bufe. Kontrak bagi kerja pembaikpulihan ini sedang dalam proses penilaian dan akan mengambil masa 12 bulan untuk disiapkan. Kerja-kerja dijangka akan dimulakan pada pertengahan 2008.

amrangan1-300408-38/serf

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING
(SERDANG)
TARIKH : 30.4.2008

SOALAN:

Y.B. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menambah bilangan SJK (C) dan SJK (T) di kawasan yang memerlukannya. Setakat ini, berapa buah daripada sekolah tersebut yang mengalami masalah kekurangan bilik darjah atau bilangan belajar yang melebihi had yang sepatutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Dalam hal ini, projek-projek pembangunan dirancang dan dilaksanakan berdasarkan bilangan penduduk sesuatu kawasan ataupun kewujudan kawasan perumahan baru. Di samping itu, KPM juga terus berusaha ke arah menyatupadukan rakyat dan salah satu pendekatan yang digunakan oleh KPM adalah dengan menubuhkan lebih banyak sekolah kebangsaan bagi semua golongan masyarakat selari dengan dasar kerajaan memperkasakan sekolah kebangsaan.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak pernah mengabaikan pembangunan sekolah SJKC dan SJKT. Pelbagai usaha dan cara telah diberi bagi mengatasi masalah keperluan SJKC dan SJKT. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), KPM telah memperuntukkan sebanyak RM174.34 juta untuk SJKC dan RM64.84 juta untuk SJKT bagi kerja-kerja pembinaan baru, gantian dan tambahan serta ubahsuai dan naik taraf. Di samping pembinaan dua buah SJKC dan sebuah SJKT yang telah diluluskan oleh KPM dalam RMKe-9 dan pada Mac 2008 telah meluluskan pembinaan 6 buah lagi SJKC baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi kepadatan bilangan murid di SJKC, dari tahun 1999 hingga Mac 2008, KPM telah meluluskan perpindahan sebanyak 75 buah SJKC yang mana sebahagian besar adalah sekolah kurang murid, ke kawasan yang mempunyai keperluan yang tinggi.

Bagi pembangunan sekolah bantuan kerajaan pula, dalam tempoh RMKe-9 ini, KPM menyediakan dana pembangunan sebanyak RM100 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. MOHAMED HAYATI BIN OTHMAN
TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)
NO. PERTANYAAN : NO. 40

Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kerjasama antara Universiti awam dan persatuan anak negeri agar usaha meningkatkan tahap kecemerlangan universiti tersebut tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPT sentiasa menggalakkan penglibatan pelbagai pihak dalam memberi pendedahan dan peluang kepada golongan pelajar dengan menganjurkan pelbagai aktiviti bersifat kemasyarakatan di peringkat universiti seperti Program Baktisiswa yang dianjurkan oleh Persatuan-Persatuan Anak Negeri.

Program sedemikian akan merapatkan hubungan di antara warga universiti khususnya golongan pelajar dengan masyarakat setempat. Pelajar bukan sahaja dapat menimba pengalaman hidup di kawasan tersebut dalam jangka waktu yang pendek, malah dapat mengetahui permasalahan dan isu yang timbul di kalangan masyarakat setempat

dan seterusnya dapat menjalankan aktiviti sosial untuk membantu meringankan beban masalah.

Antara aktiviti sukarela yang sering dijalankan oleh peserta program baktisiswa adalah gotong-royong membina pondok surau/rumah, memperbaharui dan mengemaskan lagi bangunan dewan orang ramai, membersihkan kawasan kubur, membantu golongan orang kurang upaya/warga emas, menjalankan aktiviti seperti motivasi, seminar atau bengkel panduan pembelajaran di sekolah rendah dan menengah yang terpencil dan jauh dari bandar serta melakukan pemeriksaan kesihatan percuma kepada penduduk setempat. Di samping itu, pelajar juga turut mengadakan aktiviti sukan dengan masyarakat setempat dan juga ceramah-ceramah agama.

Sasaran lokasi program ini adalah di kawasan perkampungan petani/nelayan/penoreh di luar bandar dan terpencil. Terdapat juga program dijalankan di kawasan penduduk orang asli. Sebilangan kecil juga membuat program baktisiswa dan program anak angkat di kawasan perkampungan di luar negara seperti Cambodia, Indonesia, Filipina dan Vietnam dengan kerjasama agensi/badan/kementerian tertentu.

Respon yang baik sering diterima daripada masyarakat berkaitan program yang dianjurkan. Pelajar IPTA seringkali mendapat jemputan daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga Pejabat Daerah untuk mengadakan program baktisiswa di kawasan masing-masing.

Soalan no. :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH

TARIKH : 30.04.2008

NOMBOR FAIL : 816

Tuan Hasbi bin Habibollah (Limbang) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan dapat memperluaskan penggunaan sistem MyKad kepada orang awam yang melintasi dan memasuki Negara Brunei Darussalam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Limbang kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, kemudahan yang diberikan kepada orang awam ini dikenali sebagai Kad Pengembara Kerap (*Frequent Traveler's Card – FTC*) Malaysia dan Negara Brunei Darussalam. Kemudahan ini merupakan persetujuan bilateral yang bertujuan untuk mempercepatkan proses pemeriksaan imigresen kedua-dua negara bagi mereka yang kerap menyeberangi sempadan Malaysia dan Brunei. Bagi tujuan tersebut MyKad digunakan oleh rakyat Malaysia dan Kad Pengenalan Pintar Brunei (ID Brunei) digunakan sebagai dokumen perjalanan sokongan bagi rakyat Brunei. Pasport perlu dibawa bersama sebagai dokumen perjalanan yang sah tetapi tidak perlu di cop. FTC merekodkan semua pergerakan pengguna dan semua maklumat itu boleh dimasukkan dan dibaca di kedua-dua negara bagi memastikan pengguna mematuhi peraturan dan pengawalan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kemudahan FTC ini akan mempercepatkan urusan pemeriksaan imigresen di mana pengesahan dilakukan secara elektronik dan biometrik. Selain itu, pengembara tidak lagi perlu mengisi borang mendarat.

Pelaksanaan kemudahan FTC merangkumi dua (2) fasa. Fasa pertama (1) telah pun selesai dan ia melibatkan pelaksanaan di Pos Imigresen Sungai Tujuh, Miri (Sarawak) - Sungai Tujuh, Kuala Belait (Brunei). Fasa kedua pula melibatkan cadangan peluasan di Pos Imigresen Tedungan (Sarawak) – Kuala Lurah (Brunei), Pos Imigresen Pandaruan (Sarawak) – Temburong (Brunei) dan Pos Imigresen Mengkalap (Sarawak) – Puni (Brunei).

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan kemudahan FTC bagi Fasa Kedua adalah bergantung kepada persetujuan daripada kedua-dua belah pihak. Namun sehingga kini, tidak ada persetujuan di buat di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Brunei berhubung perkara tersebut. Oleh yang demikian, peluasan kemudahan FTC di pintu masuk Tedungan, Pandaruan dan Mengkalap seperti yang dicadangkan di dalam Fasa Kedua akan hanya dilaksanakan selepas Kerajaan Malaysia menerima persetujuan daripada Kerajaan Brunei.

SULIT

SOALAN NO: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN:

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah agenda integriti yang Kementerian pelopori itu menampakkan hasilnya, sambil kita sedar bahawa usaha ini adalah usaha jangka panjang, tetapi kita agak kabur dengan keberkesanan dari usaha-usaha yang dilakukan oleh agensi-agensinya pelaksana yang terdapat dalam rancangan tindakan Pelan Integriti Nasional selama lebih 4 tahun yang lalu.

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) pada 23 April 2004 oleh Kerajaan di bawah kepimpinan Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia memperlihatkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan bagi memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa; meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan awam dan mengurangkan kerenah birokrasi; memantapkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan; memperkukuhkan institusi keluarga dan masyarakat; dan meningkatkan kualiti dan kesejahteraan masyarakat dan negara Malaysia. Ini jelas digariskan perancangannya dalam PIN, khususnya melalui agenda keutamaan melalui TEKAD 2008, dan dengan penubuhan IIM serta penubuhan Institut Integriti Negeri (IIN) di peringkat negeri-negeri.

Langkah ini juga dilihat sebagai suatu strategi proaktif bagi memastikan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum dan kumpulan etnik serta pelbagai sektor mengamalkan nilai-nilai murni, etika yang baik dan berintegriti.

SULIT

Walaupun PIN baru menjangkau usia empat tahun, namun keberkesanannya boleh dilihat melalui peningkatan pengamalan nilai-nilai murni oleh masyarakat, penghayatan dan pengamalan etika yang baik oleh sektor swasta dan tokoh korporat serta ahli-ahli perniagaan. Di samping itu penghayatan dan pengamalan tadbir urus yang baik (*good governance*) dan tadbir urus korporat (*corporate governance*), etika perniagaan dan pematuhan Rukun Niaga semakin meningkat.

IIM selaku penggerak, pencetus dan pemantau kepada pelaksanaan PIN juga telah menjalankan program-program pendidikan dan latihan, menerbitkan buku mengenai Integriti, serta sedang menjalankan kajian bagi membentuk indeks-indeks yang berkaitan integriti, khususnya bagi membentuk Indeks Persepsi Integriti Nasional.

Sebagai contoh, sepanjang 2007, IIM menyampaikan ceramah integriti kepada 175,506 individu melalui pelbagai program untuk diperkembangkan lagi kepada pihak lain, seperti para pelajar melalui guru masing-masing. IIM juga telah menerbitkan lapan buah buku yang digunakan sebagai asas panduan untuk program integriti dan untuk rujukan dalam bidang yang berkaitan. Usaha komunikasi juga dijalankan dengan kerjasama meluas oleh akhbar, radio dan televisyen yang menyokong penuh usaha pengukuhan integriti di kalangan masyarakat.

Ini ditambah pula dengan kerjasama antara IIM dan sektor awam dan swasta seperti Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian China Malaysia (ACCCIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), MIMOS Berhad,

SULIT

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ). Selain itu, IIM turut menjalin kerjasama dengan badan-badan seperti Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Institut Akauntan Malaysia, Institut Pengurusan Malaysia dan lain-lain lagi. Berbagai-bagai program yang melibatkan kajian, latihan, komunikasi dan penerbitan telah diadakan dan mendapat sambutan yang baik dari semua pihak. IIM juga telah menganjurkan forum dan konvensyen seperti Konvensyen Integriti Nasional di Putrajaya pada 6 September 2007 di mana 21 resolusi dihasilkan, termasuk untuk menjadikan Badan Pencegah Rasuah (BPR) sebagai satu suruhanjaya bebas yang telah pun diumumkan pembentukannya oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada 21 April 2008 yang lalu di IIM sendiri bersempena dengan Asean Integriti Dialogue 2008. Ini menunjukkan bahawa kerjasama yang dijalankan dengan agensi pelaksana seperti BPR telah menghasilkan sesuatu yang amat positif.

Kerjasama dengan PDRM juga telah berjalan dengan begitu lancar sekali di mana IIM membantu untuk meningkatkan integriti di kalangan anggota polis. Kerjasama begini juga dijalankan dengan agensi-agensi pelaksana yang lain seperti Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Namun begitu, masih banyak usaha dan pengemblengan tenaga secara bersepadu dan berterusan diperlukan daripada pelbagai pihak bagi memastikan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) dapat

SULIT

dijayakan secara lebih meluas, menyeluruh dan pelaksanaannya secara lebih holistik.

Justeru, semua pihak, termasuk sektor awam, swasta, korporat, politik, media, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pelbagai pertubuhan dan persatuan, kepimpinan masyarakat, kumpulan agama dan perkumpulan wanita, kalangan belia dan pelajar serta pendidik perlu memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan dan melaksanakan objektif, strategi dan agenda integriti seperti dinyatakan dalam PIN.

Namun harus diingat bahawa usaha memantapkan integriti ini bukanlah boleh berlaku dalam sekelip mata, tetapi mengambil masa yang panjang, dengan mengambil kira kehendak setiap rakyat negara ini untuk berubah menjadi lebih baik berintegriti.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO
(PUCHONG)

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN :

TUAN GOBIND SINGH DEO MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN ADAKAH KEMENTERIANNYA SEDANG MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN UNTUK MENGATASI MASALAH KESESAKAN TRAFIK DI KAWASAN PUCHONG DAN SEKIRANYA ADA, APAKAH TINDAKAN-TINDAKAN ITU.

JAWAPAN :-

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTITIK, BEBERAPA TINDAKAN TELAH DIAMBIL UNTUK MENGURANGKAN KESESAKAN YANG BERLAKU DI KAWASAN PUCHONG DAN SEKITARNYA. ANTARANYA SEPerti YANG TELAH DILAKSANAKAN DI LEBUHRAYA DAMANSARA PUCHONG IAITU ENAM (6) KERJA NAIKTARAF UTAMA TELAH DILAKSANAKAN SEPerti BERIKUT:

- i) PENAikan TARAF PERSIMPANGAN BERTINGKAT PUCHONG JAYA,**
- ii) PEMBINAAN PUSINGAN 'U' BERTINGKAT IOI,**
- iii) PEMBINAAN PUSINGAN 'U' BERTINGKAT TAMAN PUCHONG INDUSTRI,**
- iv) PENAikan TARAF PERSIMPANGAN BERTINGKAT KAMPUNG BHARU PUCHONG,**

- v) **PENYEDIAAN SISTEM JALAN SERVIS SELARI ('PARALLEL SERVICE ROAD SYSTEM') DIANTARA PUSINGAN 'U' BERTINGKAT IOI DENGAN PUSINGAN 'U' BERTINGKAT TAMAN PUCHONG INDUSTRI, DAN**
- vi) **PELEBARAN LALUAN UTAMA LEBUHRAYA DI KM 24.3 (DI ARAH SELATAN LEBUHRAYA MENUJU KE BANDAR SUNWAY) YANG DIJANGKA SIAP DAN DIBUKA UNTUK KEGUNAAN AWAM PADA PENGHUJUNG BULAN MEI 2008.**

DI SAMPING ITU BEBERAPA TINDAKAN JANGKA PENDEK JUGA DIAMBIL UNTUK MEMBANTU KESESAKAN KHUSUSNYA DI WAKTU PUNCAK SEPERTI MEMBUAT PENYALURAN TRAFIK ('TRAFFIC CHANNELIZATION') DI PERSIMPANGAN BERTINGKAT YANG MENGALAMI KESESAKAN DAN SEBAGAINYA.

PIHAK KEMENTERIAN SENTIASA MEMANTAU KEADAAN TRAFIK DI SEMUA KAWASAN TERUTAMANYA DI

LOKASI DI MANA BERLAKUNYA KESESAKAN DAN BERUSAHA MENCARI PENYELESAIAN UNTUK MEMBANTU MENGURANGKAN KESESAKAN YANG BERLAKU. SEBAGAI TINDAKAN JANGKA PANJANG, KAJIAN TERPERINCI SEPERTI MERANCANG PEMBINAAN RANGKAIAN JALAN BARU SENTIASA DIJALANKAN BAGI TUJUAN MENGENALPASTI SISTEM PENYURAIAN TRAFIK YANG BERKESAN DAN SESUAI UNTUK DILAKSANAKAN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L
MARIMUTHU
TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)
NO. PERTANYAAN : NO. 44

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah terdapat rancangan untuk memindahkan Universiti Malaya ke tempat lain. Jika benar, apakah tujuan langkah ini. Apakah yang akan terjadi pada tapak Universiti Malaya sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak-tapak universiti dan tanah-tanah milik Kerajaan seperti di Universiti Malaya (UM) adalah didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau Universiti berkenaan. Tapak bagi kampus UM adalah didaftarkan atas nama UM.

Pada masa ini, Kerajaan tidak ada cadangan untuk memindahkan UM ke tempat lain.

Susulan daripada itu, Kerajaan akan terus mengekalkan tapak UM di tempat asalnya memandangkan UM adalah universiti yang pertama di Negara dan mempunyai sejarah yang tersendiri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN : 818

Y.B. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa permohonan Parti Demokratik Sosialis (PDS) untuk pendaftaran yang dikemukakan pada tahun 2003 masih belum diputuskan manakala permohonan NIUP (*National Indian Unity Party*) dapat diluluskan dalam beberapa minggu sahaja.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y. B. Sungai Siput.

Berhubung dengan kelewatan dalam mendapatkan keputusan permohonan pendaftaran **Parti Demokratik Sosialis** sejak tahun 2003 lagi, ingin saya maklumkan bahawa permohonan tersebut terpaksa diangkat semula ekoran maklumat yang sebelumnya telah diterima pada tahun 2003 iaitu sebelum perpecahan Kementerian Dalam Negeri pada tahun 2004. Permohonan pendaftaran parti tersebut akan dipertimbangkan semula dan keputusannya akan dimaklumkan sedikit masa lagi.

Mengenai permohonan pendaftaran pertubuhan *National Indian Unity Party* (NIUP), pihak JPPM tidak pernah menerima atau meluluskan permohonan pendaftaran pertubuhan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat JPPM telah menerima permohonan pendaftaran *Malaysian Indian United Party* (MIUP) pada 1 Jun 2007 dan permohonannya telah diluluskan pada 14 September 2007.

SULIT

NO SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA TING

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN :

Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan ahli politik yang pernah memegang jawatan sebagai ahli Majlis PBT, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Dewan Rakyat atau Ketua-ketua Bahagian Parti Politik yang telah atau sedang disiasat oleh BPR sejak tahun 2004 sehingga kini dan bilangan mereka yang telah didakwa dan disabitkan kesalahan.

SULIT

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Perlu ditegaskan setiap siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak semestinya berakhir dengan pendakwaan di mahkamah. Pertuduhan hanya dibuat sekiranya Pendakwa Raya berpuashati terdapat bukti-bukti dan keterangan yang mencukupi untuk berbuat demikian. Daripada siasatan yang dijalankan oleh BPR, seramai 9 orang ahli Majlis PBT, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Dewan Rakyat atau Ketua-Ketua Bahagian Parti Politik yang telah didakwa dari tahun 2004 hingga kini. 2 orang telah didapati salah oleh mahkamah, 4 orang telah dibebaskan dan 3 kes masih dalam perbicaraan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HENRY SUM AGONG
(LAWAS)
TARIKH : 30.4.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN HENRY SUM AGONG (LAWAS) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah pembinaan bangunan SK. Pusat Lawas yang baru dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan pembinaan bangunan baru SK Pusat Lawas, konsultan dan kontraktor telah dipilih untuk projek ini dan pelaksanaannya dijangka akan dimulakan selewat-lewatnya bulan Jun tahun 2008.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' SERI ABDUL HADI
BIN AWANG

TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)

SOALAN :

YB. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG) minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan sepanjang tempoh kempen Pilihan Raya Umum Ke 12 dari 24 Februari sehingga 7 Mac 2008 hasil dari penggunaan jet eksekutif Kerajaan bagi kegunaan YAB. Perdana Menteri dan YAB. Timbalan Perdana Menteri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh 24 Februari sehingga 7 Mac 2008, jumlah perbelanjaan untuk penggunaan jet eksekutif adalah sebanyak **Tujuh Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu Tiga Ratus Dua Puluh Lima Ringgit dan Dua Puluh Sen (RM792,325.20)**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON (IPOH BARAT)
TARIKH : 30.4.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON (IPOH BARAT) minta Menteri Pelajaran jumlah Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil dan Cina yang masih belum mendapatkan bantuan sepenuhnya dan sebab-sebab serta bilakah sekolah-sekolah ini akan mendapat bantuan sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan peruntukan di bawah bantuan modal bagi membantu sekolah jenis kebangsaan dan sekolah mubaligh untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan baikpulih bangunan sekolah. Pemberian peruntukan bantuan modal ini adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada dan untuk mengurangkan beban kewangan pihak sekolah terutamanya peruntukan tambahan bagi tujuan membaikpulih bangunan sekolah yang uzur dan disahkan tidak selamat digunakan. Memandangkan peruntukan yang disediakan adalah terhad dan bilangan sekolah yang memohon adalah banyak, maka KPM meluluskan peruntukan bantuan modal mengikut keutamaan dan keperluan yang mendesak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ke-9, KPM telah menyediakan sebanyak RM100 juta untuk peruntukan bantuan modal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [JASIN]
TARIKH : 30 APRIL 2008
RUJUKAN : 819

Soalan:

Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berhubung kebanjiran pendatang asing yang digaji melalui agen dengan menawarkan perkhidmatan tanpa melihat kebajikan mereka dan tempat tinggal yang bersesuaian serta mendatangkan masalah sosial dan bebanan kepada masyarakat setempat.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 30.4.2008

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Dalam Negeri amat mengambil berat berkenaan isu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang masuk ke negara ini secara haram atau menyalahgunakan Pas Lawatan Sosial mereka untuk bekerja. Kementerian juga menyedari wujudnya individu atau agen haram yang mengambil keuntungan daripada PATI dengan cara melindungi dan membekalkan mereka kepada syarikat yang memerlukan pekerja.

Kementerian melalui Agensi Penguatkuasa Jabatan Imigresen Malaysia, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan operasi dari masa ke semasa bagi membasmi kebanjiran PATI sekaligus menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat setempat. PATI yang ditangkap akan dihantar ke Depot Tahanan Sementara Imigresen sebelum dihantar pulang. Mana-mana majikan atau agen yang menggaji PATI pula boleh didakwa di bawah Seksyen 55(B) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 1997) yang membawa hukuman denda tidak kurang RM10,000.00 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Kementerian juga telah menetapkan satu prosedur pengambilan pekerja asing yang mudah dan cepat di Pusat Kelulusan Setempat, Kementerian Dalam Negeri bermula 1 Ogos 2005 bagi

mbolehkan majikan mengambil pekerja asing yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti syarikat setelah gagal untuk menggaji pekerja tempatan. Hasilnya, majikan lebih senang berurusan secara langsung dengan pihak Kementerian dan tidak lagi berminat untuk berurusan dengan agen. Ini sekaligus membantu usaha pihak Kerajaan membasmi aktiviti agen-agen yang membekalkan pekerja asing secara haram.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
(PONTIAN)**

TARIKH : 30.4.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN (PONTIAN) minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa apabila yuran PIBG tidak diwajibkan dibayar, apakah langkah cadangan Kerajaan untuk membantu PIBG mendapat dana, berapa banyak cadangan peruntukan diberikan dan tarikh ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Penubuhan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah-sekolah adalah di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa dan Guru) 1998. Di bawah **Peraturan 5 (1)** telah dinyatakan dengan jelas akan tujuan penubuhan PIBG di sekolah-sekolah iaitu;

- i. mengadakan sesuatu forum serta perkhidmatan bagi kebajikan dan kemajuan murid-murid dalam sekolah dalam meningkatkan imej sekolah;
- ii. membantu dan menambah usaha sekolah dalam memenuhi kehendak dan keperluan kebendaan murid-murid dalam kegiatan mereka;
- iii. membolehkan ibu bapa dan guru dalam sekolah bertukar-tukar fikiran dan maklumat mengenai pendidikan;

- iv. memberi peluang kepada ibu bapa dan guru berunding antara satu sama lain berkenaan cara memperbaiki taraf pendidikan anak-anak mereka pada amnya; dan
- v. membolehkan ibu bapa dan guru berusaha menambah kewangan sekolah dan meningkatkan kemudahan fizikal sekolah bagi tujuan meningkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran.

Bagi mengutip dana untuk melaksanakan aktiviti PIBG di setiap sekolah, **Peraturan 5 (4)** di bawah Peraturan-peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa) 1998 menyatakan;

“(4) Persatuan dibenarkan mengutip apa-apa sumbangan yang diputuskan dalam mesyuarat agung tahunan daripada anggota dan keputusan itu hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftar.”

Oleh yang demikian, penubuhan PIBG adalah untuk membantu pihak sekolah bukan sahaja dari segi kepakaran dan idea malah untuk membantu pihak sekolah menambah kewangan sekolah. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berpandangan, adalah tidak sesuai jika persatuan diberikan bantuan sedangkan tujuan penubuhannya adalah untuk membantu pihak sekolah dalam pelbagai bidang seperti yang telah digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan PIBG (1998).

KPM mengharapkan ibu bapa atau penjaga murid hendaklah memberikan sokongan kepada PIBG dalam apa-apa juga aktiviti yang dirancang termasuklah bersama-sama membantu mencari dana untuk sekolah. Di samping itu kehadiran dalam mesyuarat agung PIBG juga adalah penting. Hal ini kerana ibu bapa atau penjaga dapat menyuarakan pandangan serta memberikan idea-idea bernas terhadap pembangunan pendidikan anak-anak di sekolah dan membantu melancarkan setiap aktiviti yang dirancang oleh PIBG demi memberikan manfaat kepada semua khususnya kepada murid-murid.

Bagi pihak Kementerian pula, usaha-usaha murni yang dilakukan oleh PIBG akan sentiasa diberikan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya.

Rjm 07

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMPUT)
TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)

SOALAN: 52

Tuan Lim Lip Eng (Segambut) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah beliau untuk mempertingkatkan mutu bola sepak negara memandangkan prestasi sukan bola sepak negara yang kini begitu buruk sekali sehingga terjerumus ke tangga 164 di dalam senarai ranking FIFA yang hanya mengandungi 202 negara.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan mengakui bahawa adalah benar seperti tanggapan banyak pihak tentang mutu sukan bola sepak negara ini telah merosot dan mengecewakan berbanding dengan suatu masa dahulu. Walau bagaimanapun, dari segi populariti sukan ini masih lagi merupakan sukan yang paling popular jika dibandingkan dengan sukan-sukan yang lain. Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama rapat dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia dan perbincangan berterusan sentiasa diadakan dengan pemimpin persatuan berkenaan untuk mencari jalan supaya prestasi sukan ini dapat dipertingkatkan lagi. Persatuan Bola Sepak Malaysia telah memulakan Liga Semi Profesional mulai tahun 1989 dan kemudiannya dijadikan Liga Profesional sepenuhnya. Program pembangunan pemain-pemain remaja dan peringkat umur juga dilaksanakan dengan tujuan untuk melatih lebih ramai lagi pemain bola sepak yang berkaliber. Walau bagaimanapun, prestasi pasukan bola sepak negara masih lagi terumbang-ambing.
2. Kementerian tidak berhasrat untuk mengambil sebarang tindakan yang drastik terhadap Persatuan Bola Sepak Malaysia khususnya dari segi pengurusannya kerana ini akan menyebabkan kita dianggap sebagai mencampuri urusan kegiatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Ini akan membawa kepada campur tangan dari pihak pertubuhan sukan antarabangsa iaitu FIFA yang boleh menyebabkan Persatuan Bola Sepak Malaysia digantung dari menyertai sebarang kejohanan anjuran FIFA. Pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan adalah dengan mengerat dan memperkukuhkan lagi kerjasama dan pengaruh kita di

dalam perancangan dan pelaksanaan program yang dilaksanakan oleh FAM.

3. Melalui Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak, Kerajaan menyedari bahawa sukan bola sepak adalah sukan yang diminati dan popular pada segenap lapisan masyarakat. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada penghujung tahun 2004 telah bermesyuarat sebanyak 10 kali iaitu kali terakhir pada 31 Julai 2007. Oleh yang demikian, Jawatankuasa berkenaan telah memutuskan sukan bola sepak telah dipilih dalam LAPAN (8) jenis sukan teras untuk dimajukan bermula dari peringkat akar umbi sehinggalah ke peringkat tertinggi. Program ini telahpun dilaksanakan sejak awal tahun 2006 yang lalu dan sudah tentulah kita tidak dapat mempamerkan keputusan segera kerana ianya melibatkan proses pembangunan bakat-bakat sukan di peringkat akar umbi. Kementerian percaya bahawa untuk memulihkan mutu dan prestasi pasukan bola sepak kebangsaan perlulah dimulakan dari peringkat asas. Melalui program mengenal pasti bakat serta melatih mereka melalui program yang sistematik, pemain-pemain ini diharap akan dapat menguasai kemahiran yang dikehendaki. Di dalam jangka waktu yang panjang program ini akan dapat melahirkan atlet-atlet yang berbakat dan berpotensi untuk diketengahkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Justeru itu, Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan sendiri telah memilih sukan bola sepak sebagai salah satu dari lapan sukan teras yang akan dibangun dan dimajukan di segenap peringkat di dalam negara ini. Di antara pendekatan utama dalam program sukan teras adalah untuk memperkukuhkan program-program pembangunan atlet,

pentadbiran persatuan sukan di daerah, negeri dan kebangsaan, kemeriahan pertandingan sukan yang berkualiti, kemudahan infrastruktur yang lebih mudah digunakan oleh rakyat, pembangunan kepegawaian dan kejurulatihan yang lebih komprehensif dan khidmat sokongan bukan sahaja di peringkat kebangsaan malahan meliputi jauh ke peringkat negeri.

4. Prestasi pasukan bawah 20 dan 19 tahun negara kebelakangan ini agak memberangsangkan dengan prestasi mereka di Kejohanan Champion Youth Cup 2007 dan juga memasuki peringkat akhir Piala AFF Bawah 20 tahun 2005 dan 2007. Pasukan Bawah 23 tahun telah berjaya menjadi johan di Pestabola Merdeka 2007. Melalui penyeliaan Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara ini, maka program latihan pasukan-pasukan bola sepak negara baik pasukan kebangsaan mahupun pasukan remaja akan dapat diawasi dari segi aplikasi latihan yang berkualiti serta mendapat sokongan perkhidmatan sains sukan dan perubatan sukan yang lebih berkualiti. Walaupun kita tidak menaruh harapan yang tinggi bahawa kita boleh melakukan keajaiban dengan pasukan-pasukan ini, namun kita berharap bahawa dengan pendekatan latihan yang lebih komprehensif, maka ianya akan dapat dijadikan sebagai tauladan dan panduan kepada jurulatih-jurulatih di peringkat akar umbi untuk turut melaksanakan pendekatan yang sama. Majlis Sukan Negara juga telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia dan memperuntukkan bantuan berjumlah RM12,317,500 untuk tempoh tahun 2007. Pihak KBS melalui MSN telah bekerjasama dengan FAM menghantar atlet-atlet muda bola sepak menyertai program tindak dengan kelab ternama Eropah. Sebagai contoh dua orang pemain iaitu

Badrul Bakhtiar dan Bunyamin Omar telah menjalani latihan bersama pasukan pelapis Kelab Chelsea pada 6 – 20 April 2008. Manakala jurulatih negara iaitu B. Satianathan akan bersama-sama Kelab Chelsea pada bulan Julai 2008 bagi mendalami program kejurulatihan prestasi tinggi. Sementara itu, dua orang pemain iaitu Khairul Fahmi Che Mat dan Mohd Asraruddin Putra b. Omar bersama-sama jurulatih iaitu Abd. Nasir Yusof telah menjalani pemilihan akademi bola sepak Kelab PSV Eindhoven pada 17 – 25 November 2007.

6. Kementerian Belia dan Sukan dan Persatuan Bola Sepak Malaysia juga bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dalam melaksanakan program pembangunan pemain-pemain remaja berumur 13 hingga 15 tahun di 40 buah sekolah di seluruh negara. Pusat ini menyediakan kemudahan latihan kepada 1320 orang atlet yang dikendalikan oleh seramai 98 orang jurulatih yang terdiri daripada guru-guru sekolah yang bertauliah.

7. Kementerian Belia Dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara bersama FAM dengan kerjasama JPJS akan mencadangkan program-program bola sepak di mana FAM melalui Majlis Sukan Negara akan mewujudkan lebih banyak lagi pusat latihan daerah dan negeri di seluruh Malaysia di antara peringkat umur di bawah :-
 - i. 7 – 12 tahun (Tunas Bola sepak).
 - ii. 13 – 15 tahun (Tunas Cemerlang).
 - iii. 16 – 17 tahun (Akademi Bola sepak/SSBJ).
 - iv. 18 – 19 tahun (Piala Belia).

8. Namun begitu, kita sentiasa optimis bahawa mutu sukan bola sepak negara akan boleh dipertingkatkan tetapi seberapa cepat ianya dapat dilakukan bergantung kepada keberkesanan pelaksanaan program di peringkat akar umbi dan kelangsungan program itu dari peringkat remaja sehinggalah ke peringkat senior. Semua pihak harus bertanggungjawab dan mempunyai satu matlamat yang sama iaitu untuk meningkatkan prestasi bola sepak negara keseluruhannya dan bukannya kepentingan individu atau persatuan masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]**

TARIKH : 30 APRIL 2008

RUJUKAN : 820

Soalan :

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah tahanan ISA
setakat hari ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga tempoh 28 April 2008, terdapat seramai 68 orang tahanan yang sedang menjalani Perintah Tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Perak.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 30 APRIL 2008

**SOALAN : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan :-**

Kos import bahan-bahan makanan dari luar negara ke Malaysia. Sila nyatakan juga jenis-jenis/bahan makanan utama yang diimport oleh Malaysia dari luar dan nama-nama negara yang menjadi pembekal. Adakah Kerajaan mempunyai perancangan bagi mengurangkan pergantungan negara terhadap import bahan makanan dari luar negara.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh 2001 hingga 2007, tren imbalan perdagangan (BOT) untuk bahan makanan negara telah mencatatkan imbalan defisit iaitu bernilai RM5.72 bilion pada tahun 2001 kepada RM9.6 bilion pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, ia mengalami sedikit penurunan kepada RM4.3 bilion atau 24.1% menurun pada tahun 2003.

Imbalan defisit yang dialami bagi tempoh tersebut di sumbangkan oleh peningkatan nilai import yang lebih besar untuk bahan makanan berbanding dengan nilai eksportnya. Misalnya, nilai import telah meningkat daripada RM12.2 bilion pada tahun 2001 kepada RM23.4 bilion pada tahun 2007, manakala nilai eksport pula meningkat daripada RM6.5 bilion kepada RM13.8 bilion untuk tempoh yang sama.

Pada tahun 2007, komoditi utama yang menyumbang kepada import bahan makanan adalah kopi, koko, teh dan rempah bernilai RM4.1 bilion, bahan makanan untuk ternakan bernilai RM3.8 bilion, bijirin dan sediaan bijirin bernilai RM3.0 bilion, hasil tenusu dan telur burung bernilai RM 2.4 bilion, produk perikanan bernilai RM 2.1 bilion dan sediaan makanan lain sebanyak RM 2.0 bilion. Komoditi-komoditi tersebut merupakan 74.4% daripada jumlah keseluruhan import bagi bahan makanan.

Pada masa kini, negara-negara yang menjadi sumber import utama bagi bahan makanan adalah Indonesia berjumlah RM2.7 bilion, China berjumlah RM2.7 bilion, Thailand berjumlah RM2.6 bilion, Australia berjumlah RM2.3 bilion dan Argentina berjumlah RM2.1 bilion.

Tuan Yang Di Pertua,

Kawalan ke atas pengimportan bahan-bahan makanan sukar dilaksanakan memandangkan tren tersebut dipengaruhi oleh faktor-faktor yang telah dikenal pasti seperti:-

- (i) permintaan oleh sektor industri perkilangan sebagai input pemprosesan produk makanan;
- (ii) perubahan cita rasa penduduk negara ini;
- (iii) permintaan bagi produk dan input yang tidak dapat dihasilkan dalam negara atas faktor agro-klimatik;
- (iv) peningkatan harga pasaran antarabangsa bagi beberapa komoditi utama dan bahan makanan haiwan; dan
- (iv) komitmen kepada liberalisasi perdagangan melalui perjanjian-perjanjian perdagangan antarabangsa yang menghalang apa jua bentuk sekatan ke atas produk-produk yang diimport.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah dan sedang berusaha untuk mengatasi keadaan melalui pelaksanaan beberapa pendekatan seperti usaha-usaha penggantian import dengan produk tempatan yang setanding daripada segi kandungan khasiat makanan. Kerajaan juga sedang berusaha untuk meningkatkan jumlah pengeluaran bahan-bahan makanan antara 2% hingga 23% sehingga tahun 2010 melalui projek-projek berimpak besar iaitu mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Ladang Kontrak, *National Foodlot Centre (NFC)*, Pembangunan 10,000 Usahawan Industri Asas Tani dan mewujudkan Zon Industri Akuakultur (ZIA). Melalui projek-projek tersebut, adalah diharapkan ia mampu untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan bagi memenuhi permintaan domestik dan seterusnya meningkatkan keupayaan eksport negara.

SOALAN NO: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 30 APRIL 2008

RUJUKAN : 821

Soalan :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan jenayah di kawasan Kepong dan Jinjang, Kuala Lumpur dan di seluruh negara. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini, sebanyak 3,910 kes jenayah telah dicatatkan di kawasan Kepong. Manakala di kawasan Jinjang pula, sebanyak 6,647 kes jenayah telah dicatatkan bagi tempoh masa yang sama.

Bagi Indeks Jenayah seluruh negara pula, sebanyak 565,546 kes jenayah telah dicatatkan untuk tempoh 3 tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh PDRM adalah seperti yang berikut :-

- i. menugaskan lebih ramai anggota dan pegawai polis di kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah;

- ii. mengadakan operasi bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain untuk membanteras kegiatan jenayah;
- iii. menambah bilangan kereta peronda (*mobile patrol vehicle* - MPV) untuk tugas-tugas rondaan di kawasan tumpuan orang ramai;
- iv. mewujudkan balai atau pondok polis baru di kawasan-kawasan yang kerap berlaku kejadian jenayah menggunakan kaedah penyewaan bangunan kedai atau rumah;
- v. menugaskan lebih ramai anggota beruniform untuk menjalankan rondaan;
- vi. mengadakan hubungan rapat dengan ahli masyarakat seperti perjumpaan berkala, sesi dialog, ceramah dan kempen-kempen kesedaran untuk membanteras jenayah;
- vii. menggalakkan orang ramai menyalurkan maklumat kepada PDRM menggunakan sistem pesanan ringkas (SMS) atau sistem pesanan multimedia (MMS) melalui program Rakan Cops;
- viii. mengadakan kerjasama yang erat dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

(MCPF), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Daerah (JKKD), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Parlimen dan pihak swasta bagi sama-sama berusaha membantu PDRM dalam membanteras jenayah;

- ix. menggunakan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sering berlaku jenayah untuk memudahkan usaha-usaha mengenal pasti identiti penjenayah; dan
- x. mengenakan tindakan undang-undang termasuk undang-undang pencegahan terhadap penjenayah-penjenayah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD. FIRDAUS BIN JAAFAR

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini penduduk Malaysia mengikut kaum di setiap negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Anggaran penduduk Malaysia pada tahun 2007 adalah 27.17 juta di mana 25.27 juta adalah penduduk Warganegara Malaysia iaitu merangkumi 93 peratus manakala selebihnya adalah penduduk Bukan Warganegara iaitu 7 peratus. Daripada penduduk Warganegara Malaysia, penduduk Bumiputera merupakan bilangan penduduk tertinggi iaitu 66.4 peratus diikuti Cina (24.9 peratus), India (7.5 peratus) dan Lain-lain etnik (1.3 peratus).

Semua negeri mencatatkan trend yang sama iaitu Bumiputera adalah penduduk tertinggi walau bagaimanapun, Pulau Pinang mencatatkan peratus penduduk Bumiputera dan Cina hampir sama iaitu 44.2 dan 44.8 peratus masing-masing.

Daripada keseluruhan penduduk Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan bilangan penduduk tertinggi iaitu 4.96 juta (18.3 peratus), diikuti oleh Johor 3.24 juta (11.9 peratus) dan Sabah 3.06 juta (11.3 peratus). Manakala beberapa negeri yang mencatatkan bilangan penduduk kurang daripada 1 juta penduduk iaitu Negeri Sembilan (0.98 juta), Melaka (0.74 juta), Perlis (0.23 juta) dan Wilayah Persekutuan Labuan (0.09 juta).

SULIT**NO SOALAN: 57****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : Y.B. DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH****TARIKH : 30 APRIL 2008****SOALAN :**

Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Badan Pencegah Rasuah akan dijadikan sebuah badan Kerajaan yang bebas sepenuhnya agar mereka dapat bertindak tanpa rasa takut dan tidak berat sebelah.

SULIT

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Saya memohon izin Tuan Yang Di Pertua untuk menjawab serentak soalan ini bersama-sama dengan soalan Y.B. Dato' Ibrahim bin Ali pada hari ini yang turut menyentuh mengenai perkara yang sama.

Kerajaan baru-baru ini telah mengumumkan untuk meningkatkan keberkesanan usaha pembanterasan rasuah melalui penambahbaikan dan penstrukturan yang akan dilakukan ke atas Badan Pencegah Rasuah (BPR). Perubahan dari struktur sedia ada kepada sebuah Suruhanjaya yang **dilihat lebih bebas** akan memberikan impak yang positif terhadap usaha pencegahan rasuah di negara ini.

Struktur yang baru ini akan dipertingkatkan keupayaannya, **dilihat lebih telus** dalam tindakannya dan akan lebih berkesan dalam memerangi jenayah rasuah. Walau bagaimanapun Kerajaan tidak berhasrat untuk meletakkan entiti baru tersebut di bawah tanggungjawab Parlimen secara khusus. Ini disebabkan kewujudan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah dan Jawatankuasa Parlimen Mengenai Pencegahan Rasuah akan dapat memastikan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi Suruhanjaya tersebut di samping wujud elemen akauntabiliti bagi setiap tindakan yang diambil.

SULIT

Kerajaan juga tidak berhasrat untuk meminda Akta Rahsia Rasmi kerana Akta tersebut pada umumnya turut digunakan untuk melindungi rahsia-rahsia Kerajaan yang melibatkan keselamatan dan kestabilan negara. Peruntukan akta itu tidak sesekali digunakan untuk melindungi jenayah rasuah.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 58

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHE UDA BIN CHE NIK
TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN:

Tuan Che Uda Bin Che Nik minta **Perdana Menteri** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memulihkan bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negara bagi membantu ramai pelajar Melayu dan bumiputera yang berada di sekolah tersebut

JAWAPAN:

- a) Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan para pelajar Sekolah Agama Rakyat (SAR). Kerajaan melalui JAKIM telah memberikan pelbagai bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) di seluruh negara. Antara bantuan tersebut ialah buku-buku rujukan, latihan kemahiran guru-guru, program motivasi pelajar-pelajar dan Anugerah Kecemerlangan.
- b) Bagi memastikan kebajikan para pelajar Melayu dan Bumiputera di Sekolah Agama Rakyat (SAR) tidak ketinggalan dalam arus pendidikan perdana, kerajaan telah memperkenalkan Program Pendaftaran Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun 2004.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MAJOLIP BIN
BUMBURING @ WILFRED
(TUARAN)**

TARIKH : 30 APRIL 2008

**SOALAN : DATUK SERI PANGLIMA MAJOLIP BIN
BUMBURING @ WILFRED
(TUARAN)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan adalah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membubarkan JPPS (Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah)

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Sememangnya keputusan telah dibuat untuk membubarkan JPPS dan digantikan dengan sebuah agensi yang sesuai seperti di negeri-negeri lain. Cadangan berkenaan sedang diteliti.

SOALAN NO. 60

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)
TARIKH : RABU, 30 APRIL 2008
RUJUKAN : 002
SOALAN : 60

Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan:

- a) Mengapa DBKL tidak mengambil langkah-langkah berunding dengan penduduk sekitar Bukit Gasing berkaitan isu projek pembangunan perumahan Gasing Meridian, sedangkan ianya terletak di lereng bukit yang boleh mengakibatkan tanah runtuh dan kerosakan alam sekitar yang kronik; dan
- b) Mengapa projek itu masih diteruskan sedangkan ianya telah mendapat arahan mahkamah supaya dihentikan dan adakah projek tersebut diluluskan tanpa laporan E.I.A (*Environmental Impact Assessment*).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Selatan, syarikat pemaju Gasing Meridian Sdn Bhd telah mendapat kelulusan pelan susunatur bagi membina sebanyak 71 unit rumah di atas tanah milik yang terletak di lereng Bukit Gasing semenjak tahun 1970-an lagi. Tapak tanah berkenaan memang telah dikhaskan untuk pembangunan rumah sesebuah. Pembangunan ke atas tanah ini tidak dilaksanakan sehinggalah pada tahun 2006 pihak pemaju mengemukakan permohonan untuk kerja-kerja pembangunan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah maklum bahawa tanah berkenaan terletak di kawasan yang sedikit bercerun serta berdekatan dengan kawasan perumahan sedia ada iaitu Taman Gasing Indah dan berhampiran dengan pembangunan Pangsapuri Maxwell Tower, Fraser Tower dan Cameron Tower di kawasan Petaling Jaya.

Cadangan pembangunan tanah oleh pemaju ini telah dirujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Wilayah Persekutuan (JPPKSAS) pada 22 Disember 2006. Jawatankuasa ini dianggotai oleh beberapa agensi teknikal termasuklah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Mineral

dan Geosains (JMG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Awam (JKR) Cawangan Cerun, Kumpulan IKRAM dan Pusat Penyelidikan Tanah Runtuh Negara (NASEC).

Setelah projek ini dinilai, JPPKSAS telah membuat pengesyoran projek pelan susunatur pembangunan 71 unit rumah ini boleh diberikan pertimbangan tertakluk kepada mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh agensi-agensi teknikal yang berkenaan.

Selain itu, langkah mengadakan perjumpaan dengan penduduk Bukit Gasing telah dibuat iaitu di antara ahli-ahli JPPKSAS dengan **Joint Action Committee for Bukit Gasing (JAC)** pada 10 Mei 2007 dan antara pegawai-pegawai DBKL dengan JAC pada 14 November 2007.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak DBKL telah memberikan penekanan ke atas kerja-kerja tanah bagi pembangunan projek ini supaya dilaksanakan dalam dua fasa secara berperingkat. Pemaju hendaklah menyiapkan fasa pertama terlebih dahulu sebelum memulakan fasa kedua. Dengan cara ini, pembinaan yang dijalankan oleh Gasing Meridian ini tidak akan menimbulkan masalah dari segi keselamatan kepada penduduk berdekatan.

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai arahan Mahkamah melalui satu perintah interim bertarikh 2 April 2008, supaya DBKL menghentikan semua tindakan selanjutnya terhadap prosiding-prosiding berdasarkan dua kelulusan yang bertarikh 2 Oktober 2007 [No. Rujukan (185) dlm.DBKL.JPRB.514/77Pt.1] iaitu kelulusan Pelan Pembangunan Susunatur (pelan pecah sempadan) dan 16 November 2007 (no. Rujukan BGN BS S1 2007 SEM6) iaitu kelulusan kerja-kerja mendirikan dan menyimpan pagar perlindungan dan 1 unit papan tanda, sehingga pendengaran penuh inter-partes. Kes ini masih lagi dalam proses perbicaraan mahkamah dan pendengaran kes pada 23 April 2008 telah ditangguhkan pada 5 Mei 2008.

Datuk Bandar Kuala Lumpur telah mematuhi perintah mahkamah bertarikh 2 April 2008 tersebut di mana tiada sebarang tindakan dilaksanakan berkaitan dengan pemprosesan permohonan-permohonan bagi kedua-dua kelulusan tersebut. Datuk Bandar Kuala Lumpur juga, telah memaklumkan kepada pemaju Gasing Meridian Sdn. Bhd. mengenai perintah berkenaan untuk pemaju mengambil tindakan mengenainya.

Pada 14 April 2008, pihak pemaju telah memaklumkan persetujuan mereka untuk menggantung secara sementara

semua kerja berkaitan kedua-dua kelulusan tersebut sehingga pendengaran kes ini diputuskan oleh mahkamah. Datuk Bandar Kuala Lumpur juga melalui Jabatan Kerja Awam, Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Bangunan akan memantau perkara ini sewajarnya.

Kelulusan yang diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur melalui Perintah Pembangunan hanya untuk Pelan Susunatur (pelan pecah sempadan) sahaja. Permohonan berasingan hendaklah dibuat oleh pemaju kepada Jabatan Perancang Bandar DBKL untuk memperolehi Perintah Pembangunan bagi cadangan pembinaan bangunan. Tiada apa-apa pembangunan dibenarkan sehingga kelulusan perancangan (Perintah Pembangunan) dan kelulusan jabatan-jabatan lain yang berkenaan telah diperolehi terlebih dahulu.

Setakat ini, pemaju Gasing Meridian Sdn. Bhd. belum mengemukakan permohonan kelulusan perancangan (Perintah Pembangunan) selanjutnya selain daripada kedua-dua kelulusan di atas.

Di samping itu, Jabatan Alam Sekitar melalui suratnya bilangan AS(B)F50/011/100/694 (10) bertarikh 10 November 2006 kepada DBKL telah mengesahkan bahawa mengikut Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling)

1987, Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) tidak disyaratkan memandangkan saiz tapak berkenaan adalah kurang daripada 50 hektar (iaitu 15.52 hektar). Mengikut Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Bukit 1997 pula, EIA terperinci tidak disyaratkan oleh kerana kurang daripada 50% tapak berkenaan mempunyai kecerunan melebihi 25 darjah. Walau bagaimanapun, pihak pemaju telah mengatur penyediaan EIA atas inisiatif sendiri dan sesalinan laporan EIA tersebut telah dikemukakan kepada pihak *Joint Action Committee for Bukit Gasing* pada 12 Julai 2007.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK HAJI ABD. RAHMAN
BIN DAHLAN [KOTA BELUD]**

TARIKH : 30 APRIL 2008 [RABU]

**SOALAN : YB. DATUK HAJI ABD. RAHMAN
BIN DAHLAN [KOTA BELUD] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:-**

Status terkini Program Jelapang Padi di Daerah Kota Belud dari segi jenis projek, peruntukan dan pelaksanaannya. Kalau ya, bilakah ia dijangka dimulakan, dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek Jelapang Padi Di Kota Belud meliputi kawasan seluas 10,000 hektar. Bilangan petani terlibat ialah 9,857 petani. Projek ini melibatkan lima (5) pakej. Pembangunan Pakej 1 telah dimulakan pada tahun 2006 dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2010 yang melibatkan komponen-komponen seperti berikut :

- (i) Kerja-kerja menaiktaraf Skim Pengairan Tamu Darat telah dimulakan pada tahun 2006 dan akan siap pada tahun 2008.
- (ii) Pelaksanaan projek perintis di kawasan seluas 267 hektar di Kg. Keguraan, Kota Belud iaitu sebahagian daripada projek Pakej 1. Projek ini dijangka akan dimulakan dalam tahun 2008 dan siap tahun 2009.
- (iii) Pelaksanaan, penyediaan infrastruktur pengairan dan saliran bagi kawasan Keguraan, Tamau dan Tempasuk Utara.

Dalam Rmke9, sebanyak RM20 juta telah diluluskan sehingga April 2008, sebanyak RM5.7 juta telah dibelanjakan. Tambahan

siling sebanyak RM 76,600,000.00 telah dipohon dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9.

Pelaksanaan Pakej 1 akan dapat meningkatkan purata hasil padi sehektar di kawasan tersebut daripada 3.7 tan metrik/hektar/musim kepada 6.0 tan metrik/hektar/musim.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)
TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan aduan yang diterima sepanjang tempoh Pilihan Raya Umum 2008 daripada calon-calon dan orang ramai berhubung kesalahan pilihan raya dan apakah tindakan yang diambil ke atasnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh kempen Pilihan Raya Umum Ke 12, yang bermula daripada 25 Februari hingga 7 Mac 2008, SPR telah menerima sebanyak 418 aduan baik daripada calon-calon yang bertanding dan juga orang ramai berhubung dengan sesuatu kesalahan kempen pilihan raya. Aduan-aduan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) 394 mengenai kesalahan menggantung bahan-bahan kempen seperti kain rentang, poster, sepanduk dan sebagainya di tempat yang tidak dibenarkan, yang tiada permit dan sebagainya.
- (b) 1 mengenai kesalahan bahan-bahan penerbitan yang diedarkan untuk bacaan orang ramai seperti risalah, broser dan sebagainya.
- (c) 23 mengenai ceramah yang mengandungi bahan-bahan yang menyalahi undang-undang pilihan raya seperti ceramah yang tiada permit dan sebagainya.

2. Bagi aduan yang di bawah bidang kuasa Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya yang ditubuhkan di setiap bahagian pilihanraya Parlimen, tindakan-tindakan selanjutnya seperti menurunkan poster-poster, merampas bahan-bahan penerbitan dan meminta penceramah-penceramah memberhentikan ceramah mereka telahpun diambil.

3. Manakala bagi aduan-aduan yang memerlukan siasatan lanjut oleh pihak polis, ia telah diambil tindakan oleh pihak polis.

SULIT

NO SOALAN: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN :

Dato' Ibrahim bin Ali (Pasir Mas) minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan bersedia meminda status Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dan meletakkan BPR dan Jabatan Rasuah Negara di bawah Parlimen; dan
- (b) adakah Kerajaan bersedia meminda Akta Rahsia Rasmi bagi membolehkan bukti rasuah kepada satu-satu pihak dapat didedahkan.

SULIT

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Saya memohon izin Tuan Yang Di Pertua untuk menjawab serentak soalan ini bersama-sama dengan soalan Y.B. Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah pada hari ini yang turut menyentuh mengenai perkara yang sama.

Kerajaan baru-baru ini telah mengumumkan untuk meningkatkan keberkesanan usaha pambanterasan rasuah melalui penambahbaikan dan pengstrukturkan yang akan dilakukan ke atas Badan Pencegah Rasuah (BPR). Perubahan dari struktur sedia ada kepada sebuah Suruhanjaya yang **dilihat lebih bebas** akan memberikan impak yang positif terhadap usaha pencegahan rasuah di negara ini.

Struktur yang baru ini akan dipertingkatkan keupayaannya, **dilihat lebih telus** dalam tindakannya dan akan lebih berkesan dalam memerangi jenayah rasuah. Walau bagaimanapun Kerajaan tidak berhasrat untuk meletakkan entiti baru tersebut di bawah tanggungjawab Parlimen secara khusus. Ini disebabkan kewujudan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah dan Jawatankuasa Parlimen Mengenai Pencegahan Rasuah akan dapat memastikan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi Suruhanjaya tersebut di

SULIT

samping wujud elemen akauntabiliti bagi setiap tindakan yang diambil.

Kerajaan juga tidak berhasrat untuk meminda Akta Rahsia Rasmi kerana Akta tersebut pada umumnya turut digunakan untuk melindungi rahsia-rahsia Kerajaan yang melibatkan keselamatan dan kestabilan negara. Peruntukan akta itu tidak sesekali digunakan untuk melindungi jenayah rasuah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TIONG THAI KING [LANANG]

TARIKH : 30 APRIL 2008

RUJUKAN : 822

SOALAN :

Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah remaja yang terbabit dalam kegiatan jenayah di seluruh negara pada tahun 2005, 2006, dan 2007.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi jumlah remaja yang terbabit dalam kegiatan jenayah di seluruh negara pada tahun 2005, 2006 dan 2007 adalah seperti berikut:-

1. Bagi tahun 2005, seramai 3,088 orang;
2. Bagi tahun 2006, seramai 5,007 orang; dan
3. Bagi tahun 2007, seramai 5,102 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MASIR ANAK KUJAT
(SRI AMAN)**

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah Jalan Lachau / Kara yang telah dibina semenjak tahun 1965 dinaikkan taraf jalan berturap / premix.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian tidak menerima permohonan bagi menaikkan taraf jalan Lachau / Kara dari pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' WAN ABD RAHIM BIN WAN
ABDULLAH [KOTA BHARU]
TARIKH : 30 APRIL 2008
SOALAN :

Dato' Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengawal kemasukan produk herba luar negeri yang mengandungi bahan-bahan yang berbahaya kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua,

Produk herba luar negeri hanya boleh diimport sekiranya produk berkenaan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, ubat-ubat yang mengandungi herba ini akan dikategori dan didaftarkan sebagai produk tradisional. Sehingga Mac 2008, jumlah produk tradisional berdaftar dengan PBKD adalah berjumlah 18,401 buah produk.

Penilaian pendaftaran produk tradisional adalah berdasarkan kepada aspek kualiti dan keselamatan produk. Salah satu aspek keselamatan yang dinilai adalah bahawa produk tradisional berdaftar tidak dibenarkan mengandungi tumbuh-tumbuhan yang telah dikenalpasti mempunyai risiko kesan *advers* kepada pengguna dan sekiranya produk berkenaan didapati mengandungi risiko kesan *advers*, produk tersebut tidak akan didaftarkan untuk pasaran. Sehingga kini, PBKD telah mengenal pasti beberapa tumbuhan yang mempunyai risiko kesan *advers* seperti *Magnolia Officinalis* yang boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang dan *Hydrastis Canadensis* yang boleh menyebabkan gangguan sistem saraf. Senarai herba yang tidak dibenarkan ini ada dipaparkan di dalam laman web Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kebangsaan: www.bpfk.gov.my untuk makluman pengguna. Produk tradisional tidak dibenarkan mengandungi racun yang disenaraikan di bawah Akta Racun 1952 dan analisis ke atas sampel akan dijalankan untuk memastikan tiada bahan racun tertentu seperti *steroid*, *sildenafil*, *tadalafil* dan racun-racun lain di dalam produk tradisional.

Dari semasa ke semasa, PBKD juga sering melakukan pemantauan kesan *advers* produk berdaftar termasuk produk tradisional melalui aktiviti pemantauan kesan *advers* produk berdaftar di Kementerian Kesihatan. Pegawai penguatkuasa farmasi di pintu masuk kastam juga akan menyaring pengimportan dari luar negara bagi memastikan hanya produk farmaseutikal termasuk produk tradisional berdaftar

dengan PBKD sahaja yang dibenarkan untuk diimport. Pada tahun 2007 sejumlah 3,551 buah produk tradisional bernilai RM618,242 telah dirampas.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)
TARIKH : 30.4.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA) minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang akan diberikan kepada Sekolah Kebangsaan, SJK Cina dan SJK Tamil di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, mengikut pecahan aliran sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM4.4 bilion kepada 1705 buah SK, SJKC dan SJKT seluruh negara bagi tujuan pembinaan bangunan tambahan dan gantian. Selain daripada itu, di bawah RMKe-9, Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta kepada sekolah bantuan Kerajaan (bantuan modal) yang terdiri daripada SJKC, SJKT, dan Sekolah Mission.

Di bawah Peruntukan Belanja Mengurus pula, peruntukan yang disalurkan kepada SK, SJKC, SJKC di bawah RMKe-9 (dari tahun 2006 sehingga bulan Mac 2008) berjumlah RM 20.8 bilion.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA KRAU)
TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)

SOALAN: 68

Tuan Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan menyediakan peruntukan khas kepada persatuan belia di kawasan FELDA bagi menyediakan kemudahan-kemudahan sukan seperti gelanggang futsal dan padang bola sepak dalam usaha mengurangkan belia di kawasan ini terjebak di dalam aktiviti yang tidak bermoral.

JAWAPAN

1. Persatuan belia yang terdapat di kawasan-kawasan FELDA sama seperti lain-lain persatuan belia tidak pernah diabaikan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam melaksanakan agenda pembangunan belia untuk negara. Untuk itu, pelbagai aktiviti dan program telah dirancang dan sedang/akan dilaksanakan bagi memastikan golongan belia bebas daripada terjebak dalam aktiviti yang tidak bermoral.
2. Aktiviti atau program itu sama ada berbentuk aktiviti-aktiviti sukan dan kecergasan, program-program Rakan Muda, mahupun program-program belia seperti seminar, forum, aktiviti kemasyarakatan, kursus dan program pertukaran belia. Selain daripada program yang dirangka oleh KBS, penyaluran bantuan pentadbiran dan pelaksanaan aktiviti juga turut diberikan kepada persatuan-persatuan belia untuk merancang dan melaksanakan program-program pembangunan belia.
3. Bagi kawasan FELDA, penyaluran Bantuan Pentadbiran dilaksanakan melalui Majlis Belia Felda Malaysia iaitu melibatkan jumlah bantuan sebanyak RM150,000.00 setiap tahun. Manakala bantuan aktiviti disalurkan kepada persatuan-persatuan belia berdasarkan kepada permohonan yang diterima oleh KBS. Bagi tahun 2004 sebanyak RM456,000.00 telah disalurkan bagi pelaksanaan program oleh persatuan belia di kawasan FELDA. Bagi tahun 2005 jumlah bantuan aktiviti ialah sebanyak RM284,000.00 dan bagi tahun 2006 jumlah bantuan aktiviti yang

disalurkan adalah sebanyak RM291,500.00. Sementara itu, bagi tahun 2007 jumlah bantuan aktiviti yang telah diberikan kepada persatuan belia di kawasan FELDA adalah sebanyak RM 164,620.00. Semua peruntukan bantuan aktiviti ini adalah melibatkan penganjuran program yang dilaksanakan sendiri oleh persatuan belia di kawasan FELDA mengikut keperluan dan penyertaannya adalah terdiri daripada belia di kawasan FELDA setempat.

4. Bagi pembangunan sukan pula, sepanjang tahun 2007 KBS telah melaksanakan 44 Program Kursus Asas Kejurulatihan Sukan FELDA Peringkat Wilayah yang telah melibatkan penyertaan seramai 1320 peserta, 11 Pertandingan Sukan Tradisional FELDA Peringkat Wilayah dengan jumlah penyertaan seramai 4,200 orang dan satu karnival sukan tradisional FELDA Peringkat Kebangsaan dengan melibatkan jumlah penyertaan 1500 orang peserta. Implikasi kos yang terlibat dengan keseluruhan penganjuran sukan ini adalah sebanyak RM1,071,480.00.

5. Bagi kemudahan sukan pula, persatuan-persatuan belia di kawasan FELDA telah pun mempunyai kemudahan-kemudahan sukan yang di bina oleh pihak FELDA. Sehubungan dengan itu adalah wajar KBS menyalurkan peruntukan bagi membina kemudahan-kemudahan sukan di kawasan-kawasan yang masih tidak mempunyai kemudahan tersebut bagi memastikan matlamat Kerajaan untuk memasyarakatkan sukan tercapai.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH
TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)
NO. PERTANYAAN : NO. 69

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-**

- a) bagaimanakah tahap penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di universiti awam? Adakah universiti awam lain dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya, untuk kursus sains dan bukan sains, seperti Universiti Teknologi MARA; dan
- b) apakah peratusan pelajar dari keluarga miskin dan pelajar Bumiputera bukan Melayu di UiTM.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di universiti awam adalah di tahap sederhana dan perlu dimantapkan.

Setakat ini, hanya dua buah universiti iaitu Universiti Teknologi MARA dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sahaja yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

b) Jumlah enrolmen pelajar sepenuh masa di UiTM bagi sesi akademik 2007/2008 adalah seramai **107,050** orang dimana **36,004** orang (**33.6%**) daripada mereka datangnye dari keluarga yang berpendapatan kurang dari RM1000.00 sebulan. Manakala, bilangan pelajar Bumiputera Bukan Melayu di UiTM bagi sesi akademik 2007/2008 adalah seramai **2,728** atau 2.5 %.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
TARIKH : 30 APRIL 2008 (RABU)
NO. PERTANYAAN : NO. 70

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah caj 3% yang dikenakan pada pinjaman PTPTN akan dihapuskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Dana PTPTN yang mula beroperasi pada 1 November 1997 adalah bertujuan untuk memastikan pembiayaan pinjaman pendidikan berbentuk pinjaman kewangan yang efisien disediakan kepada pelajar-pelajar yang layak mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan bahawa tidak ada pelajar-pelajar yang gagal memasuki IPT atas sebab-sebab kewangan.

Caj/kos 3 peratus oleh PTPTN bertujuan untuk membiayai kos operasinya. Sehubungan dengan itu, kerajaan pada masa ini belum lagi bercadang untuk menghapuskan kos pentadbiran yang dikenakan

kepada peminjam PTPTN, sebaliknya akan mengkaji caj 3% yang dikenakan itu.

Kementerian akan sentiasa berusaha bagi memastikan pelajar-pelajar yang menyambungkan pengajian ke peringkat tertiar mendapat pembiayaan kewangan yang sewajarnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
(HULU TERENGGANU)
TARIKH : 30.4.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN (HULU TERENGGANU) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah penstrukturan semula Pejabat Pelajaran Daerah dilaksanakan bagi membolehkan gred jawatan di Pejabat Pelajaran Daerah dinaikkan kerana pada masa ini jawatan Pegawai Pelajaran Daerah sangat ketinggalan berbanding dengan gred jawatan di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengemukakan cadangan Penstrukturan Semula Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2006. Penstrukturan telah diluluskan secara berperingkat di mana pada awal tahun 2007, sebanyak 4 buah PPD telah diluluskan melibatkan tambahan 132 perjawatan baru. Manakala 8 PPD baru yang diluluskan mulai 15.12.2007 melibatkan 92 perjawatan baru. Kementerian telah memperakukan supaya gred PPD dinaikkan daripada Gred DG48 kepada Gred DG52 dan masih dalam pertimbangan Agensi Pusat dan dijangka selesai dalam tahun ini.

SULIT

NO SOALAN : 72

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUDIN BIN
JAFFAR
(TUMPAT)**

**TARIKH : 30 APRIL 2008
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah penilaian terkini Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mencapai matlamatnya.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dirancang untuk mencapai beberapa objektif iaitu meningkatkan semangat patriotisme, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional, membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni dan menyemarakkan semangat kesukarelaan di kalangan generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini kerajaan amat berpuas hati dengan pencapaiannya dan telah mencapai objektif yang ditetapkan. Kaji selidik berdasarkan soalan-soalan berbentuk kognitif (pemikiran), afektif (perasaan) dan psikomotor (perlakuan) telah dilakukan dan pencapaiannya adalah seperti berikut:

- a. Semangat kesetiaan dan kecintaan kepada negara yang dilaksanakan melalui aktiviti pendedahan terhadap sejarah kemerdekaan, pembentukan kerajaan dan pemeliharaan kedaulatan dalam sesebuah negara telah menunjukkan pencapaian 83 %.**

- b. Memupuk nilai-nilai murni melalui pembentukan karakter yang merupakan teras kepada keperibadian unggul dan integriti telah menunjukkan pencapaian 90 %.**

- c. Mempertingkatkan semangat kesukarelaan melalui kerja-kerja seperti gotong-royong, pemeliharaan alam sekitar dan lawatan ke rumah anak-anak yatim dan orang tua menunjukkan pencapaian 84 %.**

- d. Perpaduan Kaum dan Integrasi Nasional yang dilaksanakan melalui pendedahan kepada budaya, adat resam dan kepercayaan pelbagai agama, bangsa serta etnik memperolehi pencapaian 88 %.**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam kaji selidik dan maklum balas yang diterima dari ibu bapa dan orang awam juga telah menunjukkan sokongan yang positif terhadap program ini. Ini juga dapat dibuktikan dengan peningkatan penyertaan secara sukarela iaitu seramai 929 orang dalam tahun 2007 dan seramai 1,137 orang untuk tahun 2008.

NO SOALAN: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

TARIKH : 30 APRIL 2008

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan berhubung gesaan yang dibuat oleh Datuk Param Cumaraswamy agar Kerajaan membuka siasatan berdasarkan kenyataan bekas Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahya mengenai campur tangan Tun Dr. Mahathir Mohamed dalam kes penyiasatan BPR sekitar 1998.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Dakwaan bahawa bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad campur tangan dalam kes penylasatan Badan Pencegahan Rasuah (BPR) sekitar tahun 1998 telah disiasat oleh pihak Polis Diraja Malaysia.

Hasil siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada bulan Februari 2000 dan keputusan telah dibuat supaya kes ini ditutup kerana keterangan sokongan terhadap dakwaan campur tangan tersebut tidak mencukupi.

Selain itu, semakan juga telah dibuat ke atas siasatan yang dijalankan oleh BPR terhadap Tan Sri Abul Hassan bin Sulaiman di mana dua kertas siasatan telah dibuka. Berkenaan dengan kertas siasatan yang pertama, didapati minit kertas siasatan dan diari siasatan pegawai penyiasat tidak menunjukkan apa-apa arahan supaya siasatan diberhentikan. Oleh itu, siasatan telah diteruskan dengan mengambil rakaman pernyataan 11 orang saksi. Hasil siasatan menunjukkan tiada apa-apa kesalahan dilakukan.

Berkenaan dengan kertas siasatan yang kedua, ia tidak menunjukkan apa-apa campur tangan yang meminta supaya siasatan diberhentikan. Oleh itu, siasatan telah dijalankan dengan mengambil rakaman

pernyataan 24 orang saksi. Selanjutnya, rumusan dibuat bahawa kes tersebut adalah bersifat syak wasangka tanpa sokongan positif daripada saksi-saksi mahu pun dokumen.

Kedua-dua kertas siasatan tersebut telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara dengan syor supaya tiada apa-apa tindakan diambil terhadap Tan Sri Ali Abul Hassan bin Sulaiman memandangkan tiada bukti bahawa suatu kesalahan telah dilakukan. Syor tersebut dipersetujui oleh Jabatan Peguam Negara.

Oleh yang demikian, sama seperti siasatan kes-kes yang lain, Jabatan Peguam Negara tidak bercadang untuk membuka semula siasatan kes ini melainkan jika terdapat keterangan-keterangan baru mengenai dakwaan itu.

Sekian, terima kasih.